


**Jilid II  
Bil. 2**



**Hari Rabu  
14hb Mac, 1984**

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 205]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 258]

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong [Ruangan 260]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO  
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.M.N., S.P.N.S.  
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,  
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH  
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,  
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH  
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu  
Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHOONG HON NYAN, P.S.M.,  
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.  
P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

- Yang Berhormat DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Pedas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMAD YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDILLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ DATO' HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norisah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Rabu, 14hb Mac, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

BANK ISLAM—PENUBUHAN

1. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan sejak penubuhan Bank Islam nyatakan peratus orang-orang bukan Islam yang membuka akaun ataupun Bank ini tidak mempelawa orang-orang bukan Islam berbuat demikian.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Islam dibuka kepada semua pelanggan-pelanggan tanpa mengira agama. Sehingga akhir bulan Februari 1984 seramai 660 orang bukan Islam telah membuka akaun dengan Bank Islam, iaitu kira-kira 2.5% daripada jumlah keseluruhan penyimpan seramai 26,345 orang. Daripada jumlah 660 orang tersebut, 270 orang penyimpan dalam akaun semasa, 334 dalam akaun simpanan dan 65 dalam akaun pelaburan.

**Tuan Gooi Hock Seng:** soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu adakah Bank bercadang untuk mengadakan faedah-faedah istimewa untuk menggalakkan orang bukan Islam menggunakan kemudahan-kemudahan Bank itu?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dimaksudkan faedah dari segi Bank, Bank Islam sememangnya tidak memberi sebarang faedah-faedah, kalau dikira faedah itu sebagai interest.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Bank Islam boleh membuat peraturan supaya kakitangan Kerajaan yang beragama Islam boleh membuat potongan bulanan dari gaji mereka untuk membuat sumbangan kepada Bank ini sama ada sebagai akaun tetap, akaun simpanan atau akaun semasa.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini tidak ada lagi rancangan-rancangan seperti itu yang dicadangkan.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu bilangan perniagaan bersama yang diluluskan oleh Bank Islam kepada orang-orang bukan Islam.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, perniagaan bersama ini adalah serupa dengan akaun pelaburan di mana penyimpan-penyimpan memasuki sebagai pemegang akaun. Pada ketika ini orang bukan Islam yang memegang akaun tersebut adalah seramai, seperti saya sebutkan tadi, 65 orang. Dari segi peratusnya adalah kira-kira 2.1% semuanya.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah pelaburan orang Islam sekarang ini—peniaga-peniaga Islam?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu agaknya pertanyaan asing.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Timbalan Menteri yang berkenaan berapakah jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh orang-orang bukan Islam dari 669 orang yang membuat simpanan dan pelaburan kepada Bank Islam?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka-angka dari segi jumlah secara detail bagi sama ada orang Islam ataupun bukan Islam pada ketika ini, cuma saya ada setakat bilangan yang membuat penyimpanan sahaja.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapa jumlah penyimpanan-penyimpan bukan Islam terlampau kecil dan apakah langkah-langkah yang hendak di ambil oleh pihak Bank untuk menggalakkan lebih ramai orang-orang bukan Islam berurusan dengan Bank ini?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi Bank Islam bukan hanya untuk orang-orang Islam sahaja. Soal sama ada ramai ataupun tidak pelanggan bukan Islam pada ketika ini sukar hendak dikatakan. Barangkali belum lagi terdapat penerimaan oleh sebab salah sangka barangkali daripada setengah pihak yang bukan Islam. Walau bagaimanapun, melalui Dewan yang mulia ini boleh kita terangkan sekali lagi bahawa Bank Islam ini namanya Bank Islam, begitu juga misalannya Bank Bumiputra, bukanlah hanya untuk orang Bumiputra sahaja. Jadi kita harap sangatlah dengan cara-cara seperti ini dan dengan cara-cara yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Bank sendiri berkempen untuk meramaikan lagi pelanggan, di dalam sedikit masa lagi lebih ramailah mereka yang terdiri dari bukan beragama Islam menyertai ataupun memasuki menyimpan di dalam Bank ini.

**Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah penyimpanan tadi terdapatkah penyimpanan-penyimpan daripada warganegara asing.

Kedua, adakah rancangan Bank Islam untuk menubuhkan cawangan-cawangannya di negara-negara Islam di luar negeri.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti sama ada penyimpan bukan Islam itu terdiri daripada bukan orang Malaysia ataupun orang asing. Dari segi pembukaan cawangan di luar negeri, pada ketika ini belum lagi ada rancangan. Pengurusan Bank Islam mula-mulanya akan menitikberatkan pembukaan di tiap-tiap ibunegeri di negara kita ini. Hingga setakat ini cawangan-cawangan di Kuala

Terengganu dan di Kota Bharu telahpun dibuka dan selepas ini, dalam bulan April, bulan hadapan satu cawangan lagi akan dibuka di Alor Setar dan selepas itu dalam tahun 1984 ini juga dijangka cawangan-cawangan dibuka di Pulau Pinang, di Selangor yakni di Kelang, di Negeri Sembilan yakni di Seremban dan juga di Johor Bahru bagi negeri Johor. Selepas itu di ibunegeri-ibunegeri yang lain seperti Pahang, Melaka dan sebagainya dan hanya selepas itu barulah perancangan akan dibuat untuk mendirikan cawangan-cawangan di bandar-bandar lain selain daripada ibunegeri masing-masing.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah bank yang baru perancangan harus dibuat dengan teliti dan baik supaya pembukaan-pembukaannya tidak akan mendatangkan kesukaran untuk menempatkan pegawai-pegawai yang mana seperti kita tahu memanglah memerlukan latihan-latihan tertentu sebelum mereka itu boleh memegang jawatan di dalam cawangan-cawangan Bank Islam ini.

#### SISTEM BAYARAN SETEMPAT

2. Tuan Mohd Amin bin Haji Daud minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sistem bayaran setempat di Pusat Kutipan Bersama berkaitan dengan bayaran bil air, bil letrik, bil telefon dan lain-lain benar-benar berkesan dan menyenangkan orang ramai atau sebaliknya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumbalas yang diterima dari orang ramai sistem ini telah mendapat sambutan yang sangat baik dan benar-benar menolong mereka untuk menjelaskan sebarang pembayaran kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, memang ada juga

masalah-masalah yang sudah sedia dikesan dan sedang diatasi. Ini termasuklah kesibukan yang berlaku di pejabat-pejabat pos kerana ramai orang yang hendak membayar bil di sana pada waktu-waktu yang tertentu dan timbulnya kebimbangan bahawa pembayaran yang dibuat melalui pusat-pusat pembayaran itu mungkin tidak disampaikan segera kepada agensi-agensi yang berkenaan. Ini boleh menyebabkan sesuatu khidmat seperti telefon ataupun bekalan elektrik mereka mungkin dipotong.

Setakat ini kebimbangan ini tidaklah berasas kerana tiap-tiap bayaran yang diterima oleh sesuatu pusat akan disampaikan kepada agensi yang patut menerimanya dengan segera dan pihak pembayar bil juga mendapat resit yang boleh digunakan sebagai bukti bahawa pembayaran itu telahpun dibuat.

Berhubung dengan soal kesibukan atau kesesakan di pejabat-pejabat pos pada masa-masa tertentu itu pula, ia tidak semestinya timbul pada masa pembayaran bil sahaja melainkan kerana berbagai-bagai urusan lain seperti membeli setem, mengambil wang kiriman, moneyorder dan sebagainya. Masalah ini sedang dikaji dalam bidang usaha untuk memperbaiki lagi dan memodenkan perkhidmatan pos pada keseluruhannya. Setakat ini terdapat 865 buah pusat di seluruh negara yang boleh menerima pembayaran demikian. Pejabat pos merupakan tempat pembayaran yang paling luas sebarannya di seluruh negara.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan bahawa dengan pengwujudan pusat kutipan bersama ini menyebabkan pejabat-pejabat pos menjadi sibuk dan kakitangan di pejabat pos menjadi terlalu juga sibuk melayani kehendak orang ramai.

Jadi, soalnya di atas kesedaran tersebut adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan bilangan kakitangan pejabat pos yang ada pada hari ini terutamanya di daerah-daerah. Jika tidak, sekurang-kurangnya menempatkan kakitangan LLN dan JKR di pejabat-pejabat pos supaya kakitangan LLN dan JKR ini dapat membuat kutipan bagi bil-bil elektrik dan juga bil-bil air.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, perkara penambahan bilangan jawatan ini telah pun dipertimbangkan apabila cadangan ini hendak dilaksanakan pada tahun 1983, tahun lalu.

Berhubung dengan kesibukan, ini juga sebagaimana yang telah saya jelaskan dalam jawapan saya tadi bahawa tindakan sedang diambil sekarang untuk mengkaji keseluruhan organisasi pejabat pos itu dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan, memperbaiki prosedur supaya kerja-kerja yang memang banyak itu boleh dapat diselesaikan dengan lebih cepat.

### PELAJAR-PELAJAR LUAR NEGERI DILAWATI GOLONGAN TERTENTU

**3. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa pelajar-pelajar kita di luar negeri telah dilawati secara berterusan oleh golongan tertentu semata-mata untuk mengheret pelajar-pelajar yang berkenaan supaya menentang Kerajaan dan memperlihatkan apa yang dibuat oleh Kerajaan semuanya tidak betul belaka. Apakah sikap Kerajaan dalam menghadapi perkara ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar

bahawa pemimpin-pemimpin dari Parti Pembangkang memang ada melawat secara berterusan ke pusat-pusat di mana pelajar-pelajar kita berada dan mengadakan majlis seperti ceramah dan dialog oleh mereka dengan pelajar-pelajar Malaysia.

Kerajaan juga sedar di dalam aktiviti ini penyampaian yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin ini adalah bertentangan dengan dasar Kerajaan sendiri yang mana pemimpin-pemimpin ini cuba mempengaruhi pelajar-pelajar kita supaya menentang Kerajaan. Kerajaan mengamalkan sifat toleransi dalam hal ini dan untuk makluman, kita sebenarnya berbangga jumlah besar pelajar-pelajar kita adalah tidak dapat dipengaruhi oleh kegiatan-kegiatan oleh pemimpin-pemimpin seperti ini.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri Pelajaran, mengikut berita yang disampaikan oleh Kementerian Pelajaran di mana Kementerian Pelajaran sedang mengambil beberapa tindakan terhadap pelajar-pelajar yang menentang dasar Kerajaan di luar negeri. Saya ingin tahu adakah Kementerian ini sedar bahawa langkah yang dibuat oleh Kementerian mengenai perkara ini adalah rasanya tidak kena kerana mereka hanya mengambil tindakan terhadap orang yang dihasut tetapi tidak mengambil tindakan terhadap orang yang menghasut.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan di sini memang benar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan kita memang mengesan segala yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin yang cuba mempengaruhi pelajar-pelajar kita itu. Setakat ini kita belum mengesan kegiatan pemimpin-pemimpin ini sudah sampai kepada peringkat

menghasut untuk menjadikan pelajar-pelajar kita bertindak secara militan. Sekiranya sampai kepada peringkat itu sudah tentu kita akan membuat perkiraan mengambil tindakan-tindakan yang perlu oleh Kerajaan.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri bolehkah Timbalan Menteri menamakan Parti Pembangkang ini dan bolehkah Timbalan Menteri menyatakan apakah prosedur untuk menyiasat seseorang pelajar yang terlibat ataupun dikatakan terlibat dalam aktiviti-aktiviti seperti ini.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, yang menyoal hanya menyebut pemimpin pembangkang jadi saya menjawab seperti itu juga.

Bagi menjawab yang kedua, cara-cara kita mengambil tindakan ini adalah tidak lari daripada apa yang telah kita terangkan iaitu mengikut perjanjian yang telah diikat oleh pihak pelajar dengan pihak penganjur Kerajaan.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran perkara-perkara ini telah dikesan tetapi tidak dapat diambil tindakan. Bagi saya, adakah perkara ini hendak kita biar sebagai kata pepatah "nasi sudah menjadi bubur" ataupun pelajar-pelajar yang tidak berdosa itu akan ditarik biasiswa. Bagi saya, kalau sudah kesan dan juga sudah dapat kesan itu eloklah diambil tindakan segera.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini terdapat soalan-soalan lain yang ada melibatkan dengan masalah tindakan dan masalah pelajar-pelajar kita di luar negeri.

Tetapi berkaitan dengan soalan ini apa yang saya ingin jelaskan ialah pemimpin-pemimpin yang pergi daripada Malaysia ini ke luar negeri bertemu dengan pelajar-pelajar kita di tempat-tempat di mana pelajar-pelajar yang ada dan saya telah katakan setakat ini mereka hanya cuba mengembangkan pengaruh. Saya sudah menjawab juga, kita akan mengkaji sama ada ianya sampai kepada peringkat menghasut pelajar-pelajar kita jadi militan.

Jadi saya hendak terangkan juga soalan ini ada berkaitan juga dengan gejala-gejala yang lain, tidak semestinya yang datang daripada pengaruh dari negara kita.

#### **DASAR PANDANG KE TIMUR— TINDAK BALAS NEGARA BARAT**

**4. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa dengan adanya dasar negara kita memandangkan ke Timur, maka apakah tindak balas atau faedah-faedah yang didapati oleh negara kita daripada negeri-negeri barat.

**Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pandang ke Timur wujud akibat kegagalan peniaga dan swasta negara-negara barat memahami betapa pentingnya Dasar Ekonomi Baru kita yang diantara lain meliputi pemindahan teknologi (transfer of technology). Dalam pada itu selain daripada perlunya memastikan Dasar Ekonomi Baru dapat dilaksanakan dengan lancar sehingga berjaya kita juga perlu memperbagaikan rakan perniagaan kita dengan cara meluas mungkin dan dalam hal ini Malaysia perlu memutuskan segala hubungan perniagaan yang berbau penjajahan pada masa-masa yang lampau yang

merupakan satu beban dan halangan kepada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua, ramai pula orang-orang kita menganggap sebagai kenyataan bahawa cara usaha barat itu adalah yang paling baik walaupun bukti-bukti menyatakan bahawa barat merosot perusahaannya kerana etika pekerja dan majikannya. Pemikiran ini mesti dikikis secepat mungkin dari orang kita sendiri dan sebab itulah maka diadakan satu Dasar Pandang ke Timur supaya dapat mereka memusingkan perhatian mereka kepada lain daripada barat.

Dasar pandang ke Timur ini juga memberatkan cara saling membantu, dengan izin, complementality dan mengurangkan exploitative character di dalam perniagaan. Namun demikian, walaupun negara kita mengamali Dasar Pandang ke Timur, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak bererti, tidak langsung bererti kita memberi perhatian yang kurang kepada negara-negara barat, tidak begitu. Dan Dasar Pandang ke Timur tidak bermakna kita menerima dengan cara buta sahaja, meniru segala-gala yang tedapat di Jepun dan di Korea. Kalau begitu, tengoklah cerita "Shogun". Apa yang penting kepada kita ialah untuk mempelajari etika kerja baik dari segi pekerja-pekerja atau juga dari segi majikan, dari segi pengurusan dan cara-cara perniagaan negara-negara timur. Faedah yang banyak juga boleh didapati dari hubungn kita dengan negara-negara barat dari segi pemindahan teknologi, pelaburan dan perniagaan, bantuan teknik dan pelajaran.

Dari tindak balas yang disoal tadi yang diterima, kita tidak terdapat kesan buruk terhadap dasar kita itu. Sebaliknya negara-negara barat telah mula menyedari potensi yang sedia

ada di rantau ini khususnya di Malaysia dan memastikan sebagai sebuah negara yang mempunyai potensi ini memandangkan ekonomi kita yang kukuh dan Kerajaan kita yang stabil. Perkara ini terbukti dari banyaknya lawatan dari negara-negara barat di berbagai-bagai peringkat di dalam masa kebelakangan ini yang mencerminkan bertambahnya minat mereka untuk melabur di Malaysia dan menambahkan perdagangan dengan negara kita serta mengadakan hubungan dua hala yang lebih baik dengan Malaysia dan memindahkan teknologi.

Tidak dapat dinafikan bahawa akibat Dasar Pandang ke Timur ini negara-negara barat telah memahami dengan lebih mendalam lagi Dasar Ekonomi Baru kita dan setelah tindakan secara positif terhadapnya. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa Dasar Pandang ke Timur itu adalah berjaya.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Menteri berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini adakah benar Dasar Pandang ke Timur yang akan menimbulkan lebih banyak perdagangan di antara kedua-dua negara ini dan jika ada seperti keadaan yang ada sekarang Malaysia mengalami kerugian sebanyak beribu-ribu juta ringgit di dalam perdagangan dengan Jepun, apa langkah-langkah akan diambil untuk membetulkan kelemahan itu?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bersetuju bahawa kita mengalami kerugian.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan Dasar Pandang ke Timur ini imbalan perdagangan walaupun Yang berhormat tadi tidak bersetuju tetapi hakikatnya pada tahun 1982 Malaysia

mengalami kekurangan dagangan dengan Jepun sebanyak \$1.5 ribu juta dan \$1.5 ribu juta pada tahun yang lepas. Ini menunjukkan satu kekurangan perdagangan yang sebenarnya. Jadi apakah tindakan yang berkesan untuk mengurangkan kerugian kepada negara kita ini?

Walaupun saya bersetuju dengan usaha untuk menyerapkan nilai-nilai dan etika-etika sama ada dari utara, selatan, timur ataupun barat, itu baik semua asalkan kita tidak rugi.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi, soal rugi itu tidak timbul tetapi benar imbalan itu tidak dapat perimbangan pada waktu ini sebab itulah kita banyak mengambil pengalaman dari mereka supaya kita dapat mempertingkatkan lagi usaha kita untuk mengimbangkan perniagaan pada masa hadapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Peter Chin Gan Oon. Tidak hadir.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Peter Chin Gan Oon tidak hadir).*

#### PENTERJEMAH MELAYU DI PARLIMEN—ELAUN KHAS

**6. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Penterjemah-penterjemah Melayu di Jabatan Parlimen telah dibayar elaun khas menurut Pekeliling Perkhidmatan bilangan 11 tahun 1975 dan bilangan 14 tahun 1976 memandangkan bahawa rakan-rakan sejawat mereka di Jabatan Peguam Negara telah pun menikmati elaun yang demikian. Jika tidak, mengapa.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 tahun 1975 itu, Pekeliling ini dikeluarkan dengan tujuan untuk dikenakan kepada pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam. Pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Parlimen adalah pegawai-pegawai dalam satu perkhidmatan yang khas dan dengan itu tidak semestinya sebarang pekeling dikeluarkan untuk Perkhidmatan Awam itu dikenakan juga kepada ahli-ahli dalam Perkhidmatan Parlimen. Walau bagaimanapun saya telah diberitahu bahawa perbekalan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini untuk memberi elaun sedang dalam pertimbangan Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen iaitu satu-satunya jawatankuasa yang memutuskan segala perkara yang ada hubungan dengan perkhidmatan pegawai-pegawai dalam Parlimen.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa penguatkuasaan pekeling yang berkenaan yang sepatutnya berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1974 bagi semua Penterjemah, Jurubahasa Kerajaan sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi hanya dikuatkuasakan pada 1hb April, 1984 bagi Penterjemah Melayu Parlimen ini. Jika sedar mengapa selepas 10 tahun baru dikuatkuasakan bagi Penterjemah Melayu Parlimen tanpa tarikh kebelakangan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak sedar mengapakah Pekeliling Perkhidmatan ini awal-awal lagi tidak dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penasihat untuk dipanjangkan kemudahannya kepada Perkhidmatan Parlimen.

## PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR

**7. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah kemajuan yang telah dibuat setakat ini dalam memperkenalkan Pelan Struktur Kuala Lumpur dengan memberi penjelasan bilangan bantuan yang dibuat dan sejauh mana bantahan-bantahan dan pandangan yang dilahirkan itu dikumpulkan.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur telah pun mendapat kelulusan dari Jemaah Menteri pada 26hb Februari yang lalu, ianya akan seterusnya diwartakan dan dijangka ini dilakukan pada bulan Ogos tahun ini dengan menggabungkan segala perubahan dan tambahan yang diterima oleh Menteri Wilayah Persekutuan.

, Sebanyak 178 bantahan bertulis telah diterima terdiri dari 107 dari orang perseorangan, 7 dari Persatuan Iktisas, 6 dari Organisasi Politik, 47 dari lain-lain badan dan kesatuan, 5 dari Pertubuhan Agama dan 6 dari Jabatan atau Kementerian Kerajaan. Kesemua bantahan ini telah ditimbang dan dibincangkan oleh Jawatankuasa mendengar bantahan. Jawatankuasa ini telah pun mengemukakan laporannya kepada Menteri Wilayah Persekutuan pada bulan Jun 1983 dan seterusnya Laporan Jawatankuasa Mendengar Bantahan dan Draf Pelan Struktur telah ditimbang oleh Lembaga Penasihat Perancangan yang juga telah mengemukakan laporannya kepada Menteri Wilayah Persekutuan pada bulan Januari 1984.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu bila agaknya pelan-pelan tempatan akan dapat dikemukakan untuk dibincang dan dibahas oleh orang-orang individu dan badan-badan yang

berkenaan. Dan di samping itu juga suka saya menggunakan kesempatan ini untuk bertanya Yang Berhormat Menteri dalam pelaksanaan pelan induk nanti untuk Wilayah, sama ada Yang Berhormat boleh memberi satu jaminan bahawa dalam pelaksanaan pelan induk itu setiap bahagian dalam Wilayah akan dapat dimajukan dengan secara adil demi kepentingan seluruh penduduk-penduduk dalam Wilayah Persekutuan.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, pelan-pelan tempatan akan seterusnya digubalkan sebaik sahaja Pelan Struktur Kuala Lumpur ini diwartakan pada bulan Ogos, 1984. Bermaknalah bahawa selepas Ogos tahun ini barulah pelan-pelan tempatan digubalkan dan ini akan mengikut proses yang telah ditetapkan.

Berhubung dengan pandangan Ahli Yang Berhormat tentang tindakan Kerajaan di dalam melaksanakan segala matlamat di dalam pelan Induk Kuala Lumpur ini, ianya tidak merugikan mana-mana pihak yang terlibat ataupun menentukan supaya terdapatnya perseimbangan di dalam pelaksanaan pembangunan di dalam Wilayah Persekutuan.

Ingin saya menyatakan bahawa matlamat Pelan Struktur ini iaitu untuk mengadakan pembangunan yang seimbang dengan diadakan pembangunan yang lebih selera lagi akan dilaksanakan dengan mengambil kira apa yang dipanggil sebagai market forces ataupun kuasa-kuasa pasaran dan dengan cara ini, saya rasa tidaklah mudah bagi satu-satu perancangan itu tidak mengambil kira kuasa-kuasa pasaran dan sudah tentu dalam keadaan ini bermaknalah bahawa pembangunan yang akan berlaku di Kuala Lumpur akan mengambil kira pembangunan yang lebih seimbang di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain.

Selain daripada itu dalam pindaan Pelan Struktur ini Kerajaan telah mengambil sikap bahawa konsep pembangunan yang dikenakan sebagai hierachy kepada pembangunan dengan mengadakan rank ataupun taraf-taraf yang tertentu bagi kawasan-kawasan yang tertentu ditukarkan kepada konsep Zon Perancangan iaitu untuk mengadakan satu pandangan ataupun pendekatan yang tidak membezakan di antara satu sama lain. Tetapi mengadakan pembangunan dan peraksanaan pembangunan yang boleh menghasilkan pembangunan yang lebih seimbang di antara kawasan pusat seumpamanya dengan kawasan-kawasan baru yang telah dirancangkan oleh Kerajaan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pembangunan-pembangunan yang ada sekarang seperti di Sentul dengan projek Bandar Baru Sentul, ini adakah mengikut Pelan Struktur yang belum diwartakan itu?

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, ketika masa Kerajaan membentangkan Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur, kita telah mengambil kira dan kita tidak bolehlah bersikap seolah-olah bahawa kita bermula daripada keadaan zero ataupun keadaan di mana tidak langsung ada pembangunan. Bermaknalah bahawa segala perancangan pembangunan yang telah dilaksanakan diambil kira di dalam kita merancangkan pelan Induk ataupun Draf Struktur pelan bagi Kuala Lumpur.

### PASAR MINGGU DI KAMPUNG BAHRU

**8. Tuan Mohd. Idris bin Basri** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah rancangan yang Dewan Bandaraya ada untuk membangunkan Pasar Minggu di

Kampung Bharu, Kuala Lumpur memandang bahawa ianya ialah salah satu daripada tempat membeli belah mingguan yang terkenal dan juga suatu tempat yang selalu dikunjungi oleh pelawat-pelawat asing tetapi telah diabaikan sudah beberapa waktu oleh pihak yang berkenaan.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya memang mempunyai rancangan untuk membangun semula Pasar Minggu di Kampung Bharu. Buat masa ini, beberapa masalah mengenai tanah masih perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum pembangunan yang dirancangkan itu dilaksanakan.

### PENDIDIKAN VOKESYENAL

**9. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar berkenaan anggapan negatif bahawa pendidikan vokesyenal hanya sesuai untuk mereka yang gagal dalam peperiksaan dan juga mereka yang tidak mendapat tempat di sekolah-sekolah, apakah tindakan Kementerian berkenaan perkara tersebut.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar ada anggapan bahawa pendidikan vokesyenal hanya sesuai untuk mereka yang gagal dalam peperiksaan iaitu golongan yang mungkin tidak memahami sebenarnya dan tidak mengikuti perkembangan pelajaran corak ini yang mana telah berkembang maju dari masa pengenalannya dalam tahun 1968 hingga ke masa kini. Perkembangan ini meliputi aspek-aspek berikut:

Jumlah pemohon ke Sekolah Menengah Vokesyenal.  
Kategori Pemohon.

Bilangan kursus yang kemaskini yang ditawarkan.  
 Bilangan jumlah Sekolah Menengah Vokesyenal yang beroperasi sekarang.  
 Perancangan perkembangan sekolah-sekolah vokesyenal.

Sebenarnya anggapan masyarakat terhadap pendidikan vokesyenal kini pada amnya adalah ke arah lebih positif berdasarkan kepada bukti-bukti seperti berikut:

Yang pertama, bilangan pemohon ke Sekolah Menengah Vokesyenal adalah di antara 13,000 hingga 19,000 sejak tahun 1978 hingga 1984 dan bagi mendapatkan tempat lebih kurang 6,000 sahaja pada tiap-tiap tahun.

Kategori pemohon ke Sekolah Menengah Vokesyenal yang dipilih juga adalah bertambah baik dari segi kelulusan Sijil Rendah Pelajaran mereka.

Dalam tahun 1978 60% daripada pemohon yang dipilih adalah terdiri daripada mereka yang lulus dengan pangkat 'S' dalam Sijil Rendah Pelajaran, tetapi dalam tahun 1983 60% daripada pemohon yang dipilih adalah terdiri daripada mereka yang lulus dengan pangkat 'A' dan 'B' di peringkat Sijil Rendah Pelajaran.

Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan telah memperakukan dua jurusan bagi Sekolah Menengah iaitu Jurusan Akademik dan juga Jurusan Vokesyenal. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan mempunyai pandangan yang positif terhadap pendidikan vokesyenal.

Kementerian Pelajaran sentiasa memberi publisiti seluas-luasnya mengenai sistem Sekolah Menengah Vokesyenal melalui sebaran am, suratkhobar, radio, melalui

penceramah-penceramah, expo-expo dan juga melalui sebaran risalah-risalah.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:**  
 Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri Pelajaran, pelajaran vokesyenal yang dikenal dengan nama seni perusahaan di Sekolah-sekolah Menengah hanya diadakan sehingga Tingkatan 3 sahaja. Adakah Kerajaan bercadang untuk melanjutkan pelajaran vokesyenal ini ke Tingkatan 4 dan 5, kalau tidak mengapa?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:**  
 Tuan Yang di-Pertua, setakat ini jenis kursus yang kita beri di sekolah peringkat vokesyenal ialah mengenai ketukangan kejuruteraan dalam 7 bahagian; Perdagangan 1, Pertanian 1, Sains Rumahtangga. Jadi memang setakat ini benar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan kita akan mempertimbangkan.

## GURU-GURU—KEKURANGAN

10. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa masalah kekurangan guru berulang-ulang apabila penggal sekolah pertama menjelang pada tiap-tiap tahun;
- (b) bilangan jawatan guru yang belum diisikan pada bulan Januari tahun 1982, 1983 dan 1984 di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan SRJK (Cina) dan SRJK (Tamil) masing-masing; dan
- (c) apakah langkah yang sedang diambil untuk menjamin supaya keadaan yang sama tidak berulang lagi.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertuan, Kementerian Pelajaran sedar

bahawa masalah kekurangan guru berulang-ulang apabila penggal sekolah pertama menjelang pada tiap-tiap tahun, tetapi jawatan-jawatan tersebut dapat dipenuhi oleh guru-guru terlatih ataupun oleh guru-guru sandaran tanpa latihan.

Semua kekosongan bagi jawatan guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) bagi tahun-tahun 1982, 1983 dan 1984 telah diisi. Sebarang kekosongan yang berlaku dari masa ke semasa telah diisi dengan guru-guru terlatih ataupun guru-guru sandaran tanpa latihan.

Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengatasi kekurangan guru di sekolah-sekolah rendah dengan mengisi kekosongan yang ada dengan guru-guru baru latihan maktab. Misalnya pada tahun 1982 jumlah pengeluaran guru adalah seramai 4,999 orang. Pada tahun 1984 pengeluaran adalah seramai 3,706 guru-guru. Walau bagaimanapun, sekarang ini perlu ditegaskan bahawa untuk melatih guru-guru akan mengambil masa selama 3 tahun. Oleh itu, masalah kekurangan guru tidaklah dapat diatasi dalam masa yang singkat. Sementara bilangan guru terlatih dapat diadakan dengan mencukupi, guru-guru sandaran terpaksa diambil bagi mengisi kekosongan yang terdapat di sekolah-sekolah dalam beberapa tahun lagi.

Kementerian Pelajaran akan mengadakan semula kursus dalam cuti bagi guru-guru sandaran yang berpengalaman dan berkelayakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan Tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kenapa untuk tahun ini pihak Kerajaan enggan mengisikan kekosongan di beberapa

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) termasuk di Melaka, tetapi mahu Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah masing-masing yang bertanggungjawab untuk membayar gaji guru-guru sementara. Adakah ini merupakan satu dasar yang baru di mana kalau ada kekosongan guru-guru sementara yang dilantik untuk mengisikan kekosongan itu akan menjadi tanggungjawab Board of Management sekolah-sekolah masing-masing.

**Datuk Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau Yang Berhormat ada boleh sebut apa sekolah yang mengambil guru-guru dengan bayar sendiri, Kementerian Pelajaran akan mengambil langkah untuk mengatasi masalah yang dihadapi di sekolah itu. Kalau boleh Yang Berhormat memberikan nama sekolah itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bilangan guru sandaran tanpa latihan yang ada pada tahun ini untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan bolehkah Yang Berhormat menyatakan bilangan guru yang dihantar, guru latihan maktab untuk tahun ini yang dihantar ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina).

**Datuk Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan berkenaan bilangan guru-guru yang dihantar untuk dilatih untuk tahun ini, untuk jumlah semua Sekolah-sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan ialah 3,706 dan untuk pecahannya saya perlu notis.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri Pelajaran adakah guru-guru telah dihantar ke Negeri Sarawak pada awal

tahun ini untuk mengisi kekosongan yang wujud di sana.

Soalan kedua, jikalau bilangan angka-angka terdapat memberi bilangan berapa yang dihantar.

Soalan ketiga, berapa orang guru-guru yang dihantar ke Sarawak balik ke Semenanjung Malaysia oleh kerana mereka tidak tahan keadaan yang buruk di sana yang tidak ada jamban yang indah, minta maaf.

**Datuk Dr Tan Tiong Hong:** Saya perlu notis, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa pada tahun ini tiap-tiap Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) yang berada dalam kategori A dan B di Pulau Pinang dikehendaki mengurangkan satu jawatan guru dari perjawatan (establishment post) untuk tahun ini dan ini menunjukkan terdapatnya kekurangan guru.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Timbalan Menteri telah menyebutkan bahawa latihan semasa cuti ataupun kelas-kelas SRC akan dijalankan. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu bilakah kursus ini akan dimulakan dan apakah pengambilan bagi tahun ini.

**Datuk Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama berkenaan sekolah gred A dan B telah dikurangkan satu jawatan, ini tidak benar oleh kerana apa yang terjadi ialah oleh sebab Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah dilaksanakan di semua sekolah rendah dan mengikut keperluan untuk melaksanakan KBSR ini, sesuatu kelas perlu mengadakan 1.5 guru untuk meneruskan kurikulum baru ini.

Maka dengan ini guru-guru telah dihantar ke kelas-kelas KBSR dan kelas-kelas yang belum menjalankan KBSR akan diberi guru-guru sandaran untuk mengisi kekosongan jawatan itu.

Untuk menjawab soalan yang kedua, iaitu berkenaan latihan guru masa cuti atau kursus dalam cuti, detailnya sedang dibuat di dalam Kementerian dan tidak lama lagi pengumuman akan dibuat oleh pihak Kementerian berkenaan kategori-kategori guru yang layak untuk mengambil latihan di dalam kursus cuti ini dan kursus cuti ini akan bermula pada bulan Disember.

## PENCEROBOHAN NELAYAN ASING

**11. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah berkesan untuk menyekat pencerobohan nelayan-nelayan khasnya dari Thailand ke perairan negara ini; berapakah penangkapan nelayan-nelayan asing yang dilakukan dalam tahun 1983, khususnya di Pantai Timur; berapakah kerugian yang di alami oleh nelayan-nelayan asing. Bilakah projek Pengkalan Polis Marine di Pulau Redang dan Kemaman akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas untuk mencegah kegiatan pencerobohan nelayan asing di perairan kita. Bagi tujuan ini pihak Polis telah melancar operasi dan juga melipatgandakan rondaannya. Dalam tahun 1983 seramai 221 orang nelayan asing telah ditangkap dan 69 daripada di perairan Pantai Timur.

Untuk meningkatkan lagi rondaan bagi tujuan kawalan perairan Pantai Timur 2 buah bot ronda jenis terbesar, telah ditugaskan di situ. Di samping

itu Unit Udara Polis Di Raja Malaysia telah membuat liputan udara bagi mengesan kemasukan bot pukut tunda asing ke perairan kita.

Sebagai langkah jangka panjang pihak Polis mempunyai rancangan untuk membina 2 buah pengkalan Polis Merin, iaitu di Kemaman dan di Pulau Pinang berhampiran Pulau Redang, Trengganu.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pada masa ini terdapat hubungan dan kerjasama di antara Polis Merin dengan Bahagian Penguatkuasa Jabatan Perikanan dalam usaha untuk mencegah pencerobohan nelayan-nelayan asing di perairan kita dan mencegah perbuatan melanggar kawasan menangkap ikan. Jika ada terdapat hubungan tersebut, seerat manakah hubungannya; jika tidak ada hubungan, adakah Kerajaan menyedari bahawa perbuatan ataupun perhubungan ini amat perlu di dalam usaha mencegah pencerobohan kawasan dan pencerobohan perairan.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan yang di-Pertua, hubungan ini memang ada, tetapi sukalah saya nyatakan di sini bahawa kebanyakan kejadian ini berlaku di luar kawasan wilayah perairan kita yakni menjangkau lebih daripada 12 batu nautical. Sebagaimana kita mengetahui kawasan perairan wilayah Malaysia adalah meliputi kawasan perairan wilayah 12 batu nautical, lebih kurang 77,000 kilometer persegi ataupun 30,000 batu persegi. Sekiranya kejadian ini berlaku di luar perairan kita maka kita, sama sekali tidak dapat mengambil apa-apa tindakan. Jadi, sukalah saya nyatakan soal hubungan rapi, hubungan rapat memang wujud bukan sahaja dengan pasukan yang berkaitan dengan perikanan, malah dengan pihak Navy.

## ANGKATAN TENTERA— PEMBESARAN

**12. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah beliau berpuashati terhadap keselamatan negara apabila terdapat ancaman dari laut dan udara negara kita oleh musuh-musuh dan lanun-lanun yang mengancam harta benda dan nyawa rakyat negara kita. Apakah rancangan pembesaran dan pemodenan yang dijalankan bagi menjamin kesetabilan dan keselamatan negara kita.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan pembesaran dan pemodenan Angkatan Tentera Malaysia sebenarnya adalah juga berdasarkan kepada ancaman semasa yang diramalkan. Sebenarnya masalah ancaman luar dan ancaman lanun-lanun adalah merupakan 2 soal yang berbeza, walau bagaimanapun kedua-dua soal ini tetap diambil perhatian oleh Kerajaan. Umpamanya dalam menghadapi ancaman luar dari laut dan udara Kerajaan telah merancang pembelian kapal-kapal ronda dan pesawat pejuang dan peronda yang lebih sophisticated manakala dalam menghadapi lanun dilaut, Kerajaan telah memperingkatkan lagi rondaan laut dan udara. Saya percaya dengan penambahan pesawat-pesawat terbang dan kapal-kapal tersebut keupayaan mengawal keselamatan di sekitar perairan kita akan lebih berkesan lagi.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, adakah pihak Kerajaan kita atau pihak Kementerian Pertahanan mengadakan tindakan bersama ataupun tindakan bersepadu yang dijalankan dengan

kerjasama daripada negara-negara jiran, misalnya dengan negara Thai ataupun Indonesia dalam mengawasi laut daripada dicerobohi oleh musuh dan juga lanun sebagaimana merupakan satu ancaman kepada rakyat negara kita.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan ada mengadakan exercise, misalnya berkenaan dengan Tentera Laut dari kedua-dua buah negara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dari semasa ke semasa.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah benar baru-baru ini terdapat sebuah helikopter asing telah menceroboh perairan negara kita dan apakah kemungkinan-kemungkinan seperti ini kalau benar akan berlaku pada masa-masa ke hadapan dan sejauh mana pihak kita membuat persiapan dalam menjamin keselamatan kawasan negara kita.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu benar berlaku yang telah dijelaskan oleh Kementerian saya dalam suratkhbar tempatan bahawa helikopter dari kapal Soviet Russia telah berjalan dari Selat Melaka hendak balik ke pengkalannya di Vladivostok di Russia. Boleh jadi dari alat pengesanan mereka atau radar telah nampak bleep ataupun tanda-tanda mereka dalam instrument dia, mereka memikirkan bahawa ada musuh-musuh yang hendak mengancamkan mereka, oleh itu kapal Russia tersebut telah menurunkan sebuah helikopternya memeriksa di kawasan perairan Laut China Selatan itu dan didapati bahawa tanda-tanda

merah itu datang daripada oil rig, dengan izin, dekat Trengganu. Oleh kerana mereka bukan hendak berhajat jahat kepada negara kita maka Angkatan Tentera kita tidak mengambil tindakan yang boleh menegangkan keadaan pada masa itu. Sekiranya kapal-kapal dari negara-negara asing yang berhajat jahat kepada kita, insya Allah kita ada mempunyai keupayaan untuk menentang attack daripada mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

*(Soalan No. 13 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir).*

#### LAPANGANTERBANG BARU SIBU—PEMBINAAN

**14. Tuan Richard Dampeng Laki** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah pembinaan Lapanganterbang Sibu yang dicadangkan akan mula seperti yang diumumkan oleh Bekas Menteri Pengangkutan semasa lawatannya ke Sibu memandangkan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada tahun ini dan menyatakan tempoh yang diperlukan untuk menyiapkannya, kos pembinaan dan jenis-jenis kapalterbang yang boleh mendarat di Lapanganterbang tersebut serta sama ada terdapatnya rancangan-rancangan untuk membina lapanganterbang baru di Sarikei yang merupakan Ibu Pejabat Bahagian di Sarawak yang tidak mempunyai sebuah lapanganterbang. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerja-kerja menyediakan rekabentuk terperinci lapanganterbang baru Sibu sedang dijalankan oleh juru perunding. Kerja-kerja ini adalah dijangka siap dalam tahun ini.

Sungguhpun dalam rancangan asal peringkat pembinaan dijadualkan bermula dalam tahun ini, jadual pembinaan sebenar akan bergantung kepada keadaan ekonomi negara. Walau bagaimanapun Kerajaan akan berusaha untuk menentukan projek ini akan dapat diteruskan dan disiapkan dengan segera. Masa yang diperlukan untuk menyiapkan kerja-kerja pembinaan adalah kira-kira selama 4 tahun. Kos sebenarnya pembinaan lapangan terbang ini hanya dapat ditentukan setelah rekabentuk terperinci disiapkan. Lapangan terbang ini adalah dirancang untuk menampung keperluan operasi pesawat seperti Boeing 737 dan Airbus. Memandangkan bahawa Sarikei adalah terletak berhampiran dengan bandar Sibu, pihak Kerajaan tidak bercadang untuk membina sebuah lapangan terbang di tempat yang tersebut.

#### PEKERJA TEMPATAN KE- ARAB SAUDI

**15. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Buruh menyatakan adakah pihak Kerajaan sedar bahawa Kedutaan Arab Saudi di Malaysia tidak ada langsung menghormati Akta Pekerjaan Swasta 1981. Ini adalah memandangkan mereka mengambil terus pekerja-pekerja tempatan untuk dihantar bekerja di Arab Saudi tanpa melalui mana-mana Agensi Pekerjaan Swasta yang sah, memandangkan ini, apakah tindakan yang akan diambil bagi membenteraskan perbuatan-perbuatan yang dianggap menyeleweng itu, semata-mata bagi menjamin mata pencarian

Kawasan Bahagian 1	.. ..	..	41,799,919 kilowatt hour
Kawasan Bahagian 2	.. ..	..	3,283,211 kilowatt hour
Kawasan Bahagian 3	.. ..	..	1,974,093 kilowatt hour
Kawasan Bahagian 4	.. ..	..	2,900,541 kilowatt hour
Kawasan Bahagian 5	.. ..	..	1,340,109 kilowatt hour
Kawasan Bahagian 6	.. ..	..	2,490,885 kilowatt hour
Kawasan Bahagian 7	.. ..	..	865,729 kilowatt hour

masyarakat tempatan serta untuk menjamin Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.

**Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar ada amalan mengambil pekerja-pekerja tidak melalui Agensi-agensi Pekerjaan Swasta. Tetapi pengambilan-pengambilan ini adalah untuk kegunaan sendiri dan tidak melanggar Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981. Di bawah Akta ini licence hanya diperlukan bagi agensi yang menjalankan urusan pengambilan tenaga pekerja bagi pihak majikan yang lain. Setakat ini Kementerian saya belum menerima apa-apa aduan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

#### TENAGA ELEKTRIK DI LUAR BANDAR DI SARAWAK

**16. Tuan Justine Anak Jinggut** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapakah jumlah tenaga elektrik yang telah diberi kepada luar bandar di Sarawak dan juga beri jumlah kepada tiap-tiap Bahagian di Sarawak dari tahun 1983 hingga sekarang.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah unit tenaga yang dibekalkan kepada kawasan luar bandar di Sarawak dari tahun 1983 hingga bulan Januari tahun 1984 ialah sebanyak 16,763,487 kilowatt hour, dengan izin. Pecahannya mengikut tiap-tiap Bahagian di Sarawak adalah seperti berikut:

**Datuk Leonard Linggi Anak Jugah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana permintaan bekalan elektrik luar bandar terlampau banyak di Sarawak, adakah Kementerian bercadang untuk menilai atau mentafsirkan jumlah requirements dengan izin, projek elektrik di luar bandar di Sarawak dan menyediakan budget tahunan yang mencukupi untuk meluaskan projek seperti itu di seluruh kawasan luar bandar di Sarawak?

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, itu memang ada dibuat.

## TANAH RIZAB MELAYU

17. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan jumlah keluasan tanah rizab Melayu yang telah diambil bagi maksud pembangunan dan berapakah jumlah keluasan yang telah diganti.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah keluasan tanah rizab Melayu yang telah diambil oleh Kerajaan bagi tujuan pembangunan mengikut negeri-negeri adalah seperti di bawah ini:

Kelantan .. .. .	20,000 ekar
Terengganu .. .. .	18,588 ekar
Pahang .. .. .	71,637 ekar
Negeri Sembilan .. .. .	800 ekar
Wilayah Persekutuan ..	2,8468 ekar
Selangor .. .. .	5,942 ekar
Yang berjumlah keseluruhan	98,400.304 ekar

Bagi luas kawasan yang telah diganti pula cara dan keadaannya adalah berbeza daripada satu negeri ke satu

negeri. Pada penjelasannya adalah seperti berikut:

### **Kelantan:**

Tanah-tanah yang telah diambil balik tidak diganti. Ini adalah kerana tanah yang diambil balik tersebut tidak dibatalkan sebagai rizab kawasan simpanan Melayu. Rizab ini tidak dibatalkan kerana hampir 99% tanah di negeri Kelantan merupakan tanah simpanan Melayu dan Kerajaan sebagai pihak yang mengambil tanah ini dianggap sebagai Melayu.

### **Terengganu:**

Kawasan yang diambil balik tidak diganti kerana rizab kawasan simpanan Melayu tersebut tidak dibatalkan. Rizab tersebut tidak dibatalkan kerana tanah tersebut digunakan oleh Kerajaan.

### **Pahang:**

Tanah-tanah yang diambil balik telah pun diganti dengan tanah Kerajaan yang lain. Proses mewartakannya sebagai tanah rizab Melayu sedang dalam tindakan.

### **Negeri Sembilan:**

Jumlah tanah rizab orang Melayu yang telah diambil balik oleh Kerajaan dan telah diganti lebih kurang 400 ekar dan bakinya dalam proses penggantian.

### **Wilayah Persekutuan:**

Tanah yang telah diambil balik tidak diganti kerana tanah tersebut digunakan untuk faedah orang-orang di kawasan itu.

### **Selangor:**

Tanah yang diambil diganti sebanyak 93.8 hektar dan bakinya di dalam proses penggantian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup!

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan No. 5, 13 dan 18 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).*

## ASEAN—KERJASAMA MENENTANG PENCEROBOHAN

5. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Luar Negeri menyatakan sudahkah masa untuk memulihkan pemikiran mengenai sama ada ASEAN yang ditubuhkan dalam tahun 1967 untuk memupuk kerjasama ekonomi dan kebudayaan seharus juga melaksanakan kerjasama antara negara-negara ASEAN agar dengan menentang ancaman-ancaman daripada wilayah-wilayah yang berdekatan dan dengan mengambil ingatan bahawa sebuah negara seperti Vietnam, dengan angkatan-angkatan bersenjata yang keempat terbesar di dunia, adalah mempunyai anggota bersenjata yang melebihi daripada kesemua angkatan-angkatan tentera ASEAN yang bercantum. Jika tidak, apakah strategi politik yang lain untuk mencegah kemungkinan pencerobohan daripada wilayah-wilayah yang bersekitaran.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** ASEAN diwujudkan hampir tujuh belas tahun yang lalu bertujuan untuk memupuk kerjasama ekonomi, sosial dan kebudayaan di antara negara-negara anggotanya dengan bermaksud melalui kerjasama ini maka akan wujudlah semangat persahabatan dan setiakawan yang lebih erat lagi. Pada hemat Kerajaan, dengan izin, "Friends are better than allies"—sahabat adalah lebih baik daripada sekutu. Oleh yang demikian maka bersungguh-sungguhlah ASEAN mempertingkatkan usaha dalam dua bidang ini ekonomi, sosial/kebudayaan, hingga sampai ke satu tahap iaitu selepas sidang kemuncak di Bali pada tahun 1976 manakala ASEAN mula bersama-sama memikirkan hal politik serantau. Apabila timbul masalah Kampuchea dilanda oleh Vietnam maka ASEAN dengan senangnya oleh sebab ujudnya setiakawan tadi mendapat kata

sepakat dan mengambil tindakan bersama.

Demikian juga kita dalam ASEAN tidak mempunyai kerjasama tentera sebagai pakatan ASEAN tetapi soal keselamatan ASEAN sentiasa dikaji walaupun secara tidak rasmi. Maka menjadi satu matlamat ASEAN dari segi menentang ancaman dari luar untuk berusaha segiat-giatnya dengan cara diplomasi sebagai benteng pertama bagi mengelakkan ancaman-ancaman itu. ASEAN tidak merasakan satu pakatan ASEAN dari segi ketenteraan itu perlu kerana banyak ikhtiar lain yang mesti dibuat umpamanya memperkukuhkan ketahanan negara masing-masing yang akan menjadi ketahanan ASEAN. Dalam pada itu negara-negara ASEAN di luar rangka ASEAN mempunyai perhubungan duahala untuk meningkatkan kerjasama ketenteraan baik darat, laut atau udara. Sudah tentu Ahli-ahli Yang Berhormat mendengar latihan "Helang Malindo" antara Malaysia dengan Indonesia, atau "Dawai Musnah" antara Malaysia dengan Thailand. Dengan adanya hubungan kerjasama duahala dalam bidang ketenteraan maka dengan sendirinya terjalin satu cara yang mengikat kesemua anggota ASEAN dalam segi pertahanan. Begitu juga anggota-anggota ASEAN secara duahala banyak mengadakan pertukaran dari segi risikan keselamatan, dan juga dari segi perancangan pertahanan mengenai menseragamkan alat-alat supaya senang boleh bertukar-beli antara satu sama lain.

## PENKALAN TLDM PEMINDAHAN CAWANGAN

13. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa Tentera Laut telah berpindah balik

dari Lumut ke Pengkalan di Woodlands, dan sama ada pengkalan Lumut telah dibuktikan sebagai tidak selesa untuk mengesan rondaan Tentera Laut di kedua-dua Selat Melaka dan Laut China Selatan.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapa:** Adalah tidak benar Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah berpindah balik dari Pengkalan di Lumut ke Pengkalan asalnya di Woodlands. Apa yang berlaku hanyalah pemindahan sementara Cawangan Sekolah Latihan Rekrut sahaja dan bukan keseluruhannya. Pemindahan Cawangan ini bukanlah bermakna Pengkalan TLDM di Lumut sudah tidak sesuai lagi untuk menjalankan tugas-tugas mengesan rondaan tentera laut di sekitar Selat Melaka dan Laut China Selatan sebagaimana sangkaan Ahli Yang Berhormat itu. Pemindahan ini dibuat semata-mata untuk menampung kekurangan bilik kuliah dan tempat kediaman bagi pelatih-pelatih TLDM kerana beberapa projek pembinaan di Lumut termasuk Sekolah Latihan rekrut masih lagi belum siap sepenuhnya. Memandangkan latihan rekrut perlu dijalankan dan kemudahan tersebut sudah sedia ada di Pengkalan Woodlands langkah sementara tersebut telah dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pengkalan TLDM di Lumut adalah sebagai pengkalan utama, dan adalah didapati sesuai untuk keperluan operasi TLDM.

#### **PELAJARAN DI SABAH— PRESTASI MURID**

**18. Y.B. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab mengapa taraf pelajaran di sekolah-sekolah di Sabah telah merosot; apakah masalah-masalah yang dihadapi dan apakah tindakan

yang akan diambil untuk meninggikan taraf pelajaran di Sabah supaya setanding dengan Semenanjung Malaysia.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Taraf pelajaran sesebuah negeri itu biasanya ditinjau dari segi prestasi murid-murid dalam peperiksaan. Bagi negeri Sabah sukacita dimaklumkan bahawa sekolah-sekolah telah menunjukkan kemajuan dari tahun ke setahun dalam semua peperiksaan. Hanya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 1982, peratus kelulusan menurun daripada 49.7% bagi tahun 1981 kepada 46.4% bagi tahun 1982. Walau bagaimanapun peratus yang menurun dalam keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam tahun 1982 terdapat di seluruh negara.

Sebenarnya masalah-masalah yang dihadapi oleh Sabah terdapat juga di negeri-negeri lain dan ia merupakan masalah-masalah yang biasa. Cuma, di Sabah terdapat banyak sekolah di kawasan yang terpencil dan guru-guru enggan berkhidmat di kawasan tersebut. Terdapat juga ramai murid-murid yang tinggal di kawasan pendalaman.

Untuk mengatasi masalah-masalah tersebut di atas, lebih ramai guru-guru terlatih telah ditempatkan ke Sabah pada tahun 1984. Anak-anak tempatan juga telah dilantik menjadi guru dan diberi latihan khas. Untuk menampung keperluan murid-murid dari kawasan-kawasan terpencil, rancangan untuk menambah kemudahan-kemudahan asrama telah dibuat.

#### **PEPERIKSAAN STPM— PEMBOCORAN KERTAS**

**19. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kementeriannya telah mengambil

mengenai skandal pembocoran kertas-kertas peperiksaan STPM yang melibatkan lapan kertas yang terpaksa diduduki semula oleh 72,000 calon dan apakah tindakan yang telah diambil untuk menangkap mereka-mereka yang terlibat dalam pembocoran tersebut serta mencegah dari berulang lagi peistiwa seumpama itu.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Yang Berhormat jawapan kepada soalan ini sama dengan jawapan yang telah disampaikan di Dewan yang mulia ini pada 13-3-1984 bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Keluang.

**BANJIR DI KG.  
KELEDANG JAYA/  
KG. TENGGU HUSSEIN**

**20. Tuan Lim Liang Seng** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa beberapa tempat seperti Kg. Keledang Jaya dan Kg. Tengku Hussein Lama di Kawasan Perkampungan Manjoi di Kawasan Kinta itu kerap mengalami banjir disebabkan tidak sempurnanya sistem sungai dan pamaritan di sekitarnya; jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah itu demi untuk mengurangkan kesulitan penduduk-penduduk di situ dan jika tidak sedar mengapa?

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Kerajaan sedar tentang kesulitan banjir di kawasan-kawasan yang berkenaan. Banjir ini berlaku akibat limpahan air dari Sg. Pari serta cabang-cabangnya. Bagi mengatasi masalah ini suatu projek mencegah banjir Sungai Pari telah pun dikesan yang melibatkan pembesaran dan mendalamkan Sg. Pari serta cabang-cabangnya sejauh 34 k.m. yang dianggarkan menelan belanja sebanyak \$16 juta. Akan tetapi

pelaksanaan projek ini tertakluk kepada keutamaan dan juga kemampuan kewangan Kerajaan.

**RANCANGAN TELEVISION  
MALAYSIA**

**21. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop** Majlis minta Menteri Penerangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbanyakkan rancangan-rancangan Televisyen Malaysia yang sesuai dengan selera masyarakat Malaysia bagi menyaingi rancangan-rancangan luar negeri yang lebih tinggi mutunya.

**Menteri Penerangan (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):** Jabatan Penyiaran telah menambah rancangan tempatannya dari masa ke masa sebagai misal, dulu kami hanya menyiarkan Drama P.J., Opah dan Bangsawan yang disiarkan bergilir-gilir. Sekarang Jabatan Penyiaran menyiarkan sorotan Seminggu yang memikirkan juga tentang mutu ataupun qualiti. Kami menjemput pemimpin masyarakat yang terkemuka seperti Pengurus Ekonomi, Pengurus Bank dan Professor-professor dari Universiti kita di Malaysia.

Sekarang kita ada Berita Ringkas yang disiarkan terus dari bilik berita.

Kita senantiasa membuat pengumuman mengenai peristiwa yang melibatkan rakyat. Melalui radio kita telah membuat pengumuman mengenai iklan jawatan.

Membuat persaingan dengan rancangan-rancangan barat, kami kira ianya adalah begitu wajar. Rancangan-rancangan barat mempunyai dunia sebagai pasaran dan kami hanya di Malaysia sahaja. Untuk menerbitkan satu-satu rancangan

dengan tujuan meningkatkan mutu ke peringkat barat, perbelanjaan adalah terlalu tinggi.

### PELAJAR IBAN DI PUSAT PENGAJIAN TINGGI

**22. Tuan Andrew Janggi Muyang** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar Bumiputera Bangsa Iban di tiap-tiap universiti, kolej dan pusat-pusat pengajian tinggi dalam Malaysia mengikut jurusan yang mereka ambil dan peratusan tiap-tiap lima tahun.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Malaysia tidak

mempunyai rekod bilangan pelajar-pelajar Bumiputera Sarawak mengikut pecahan Kaum, sementara di Kolej Tuanku Abdul Rahman pula tidak ada pelajar-pelajar Bumiputera Bangsa Iban. Bagi pusat-pusat pengajian tinggi yang lain, saya hanya dapat memberikan bilangan pelajar-pelajar tersebut di tiap-tiap institusi dari tahun 1982/83 sahaja, kerana bagi tahun-tahun sebelumnya tidak ada rekod yang lengkap. Untuk itu, bilangan pelajar-pelajar tersebut di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia dan Institut Teknologi MARA mengikut jurusan dan peratusannya bagi tahun 1982/83 dan 1983/84 adalah seperti di lampiran.

#### LAMPIRAN

### BILANGAN PELAJAR-PELAJAR BUMIPUTERA BANGSA IBAN DI PUSAT- PUSAT PENGAJIAN TINGGI TEMPATAN TAHUN 1982/83—1983/84

#### BILANGAN PELAJAR-PELAJAR IBAN MENGIKUT FAKULTI

Universiti	Fakulti/Pusat Pengajian	Bilangan	Bilangan Pelajar Semua Mengikut Fakulti	% Pelajar-pelajar Iban	
<i>Universiti Kebangsaan Malaysia</i>	1982/83	Perubatan .. .. .	3	993	0.3
		Sains Fizik dan Gunaan .. ..	4	763	0.5
		Sains Hayat .. .. .	2	670	0.3
		Kuantitatif .. .. .	1	421	0.2
		Sains dan Sumber Alam .. ..	9	229	4.0
		Kemasyarakatan dan Kemanusiaan	1	1,668	0.1
	1983/84	Pengurusan Perniagaan .. ..	2	705	0.3
		Perubatan .. .. .	2	1,019	0.2
		Sains Fizik dan Gunaan .. ..	3	796	0.4
		Sains Hayat .. .. .	1	769	0.1
		Kuantitatif .. .. .	3	470	0.6
	Sains dan Sumber Alam .. ..	10	216	4.6	

Universiti	Fakulti/Pusat Pengajian	Bilangan	Bilangan Pelajar Semua Mengikut Fakulti	% Pelajar-pelajar Iban
<i>Universiti Sains Malaysia</i>				
1982/83	Sains Perubatan .. .. .	1	225	0.39
	Sains .. .. .	1	977	0.1
	Sains dengan Pendidikan .. .. .	1	792	0.13
	Sains Kemanusiaan .. .. .	2	685	0.29
1983/84	Sains Perubatan .. .. .	1	159	0.63
	Sains dengan Pendidikan .. .. .	1	731	0.14
	Sains Kemanusiaan .. .. .	1	422	0.24
<i>Universiti Pertanian Malaysia (Serdang)</i>				
<i>Diploma</i>				
1982/83	Sains dengan Pendidikan .. .. .	4	781	0.51
	Kesihatan Haiwan dan Penternakan	4	107	3.7
<i>Ijazah</i>				
1982/83	Sains Perhutanan .. .. .	1	69	1.45
	Sains Pertanian .. .. .	1	403	0.25
	Perniagaantani .. .. .	3	399	0.75
	Sains dengan Pendidikan .. .. .	3	348	0.86
	Sains dan Teknologi Makanan .. .. .	1	110	0.91
	Kejuruteraan Pertanian .. .. .	1	125	0.80
	Sains Perikanan .. .. .	1	105	0.95
	Pendidikan (Pertanian) .. .. .	1	94	1.06
<i>Diploma</i>				
1983/84	Sains dengan Pendidikan .. .. .	2	692	0.29
	Pembangunan Manusia .. .. .	1	80	1.25
	Kesihatan Haiwan dan Penternakan .. .. .	2	127	1.57
	Kejuruteraan Pertanian .. .. .	1	116	0.86
	Perniagaantani .. .. .	1	148	0.67

Universiti	Fakulti/Pusat Pengajian	Bilangan	Bilangan Pelajar Semua Mengikut Fakulti	% Pelajar-pelajar Iban
<i>Ijazah</i>				
	Perubatan Veterinar .. .. .	1	113	0.88
	Sains Perhutanan .. .. .	1	77	1.29
	Sains Pertanian .. .. .	1	491	0.2
	Perniagaantani .. .. .	1	471	0.21
	Sains dengan Pendidikan .. ..	3	321	0.93
	Pendidikan (Pendidikan Jasmani)	1	116	0.86
	Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua)	1	153	0.65
	Sains Komputer .. .. .	1	70	1.43
	Pendidikan (Pertanian) .. ..	1	85	1.18
<i>Universiti Pertanian Malaysia (Sarawak)</i>				
1982/83	Kursus Pendahuluan .. .. .	7	40	17.2
	Diploma Pertanian .. .. .	14	281	4.98
	Diploma Perhutanan .. .. .	11	102	10.78
1983/84	Kursus Pendahuluan .. .. .	7	52	13.46
	Diploma Pertanian .. .. .	15	274	5.47
	Diploma Perhutanan .. .. .	12	112	10.71
<i>Institut Teknologi MARA</i>				
1982/83	Diploma Pentadbiran Awam ..	1	741	0.13
	Diploma Analisa Sistem .. ..	1	65	1.54
1983/84	Diploma Kajian Pertanian .. ..	2	1,886	0.11
	Diploma Perakaunan .. .. .	1	1,874	0.05

## LEBUHRAYA TRANS-BORNEO

**23. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan mempunyai cadangan dalam jangkamasa panjang untuk menjadikan lebuhraya Trans-Borneo sebagai lebuhraya Kerajaan Persekutuan. Jika ya, bilakah cadangan ini dijalankan. Jika tidak, mengapa.

**Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu):** Pada masa ini belum ada Lebuhraya Trans-Borneo yang menyambung di antara Kuching dengan Kota Kinabalu. Tetapi memang ada dalam rancangan Kerajaan untuk membina Lebuhraya seumpama itu dan perkara ini adalah masih dalam kajian dan pelaksanaan. Berhubung dengan status Lebuhraya ini bila dibina, saya belumlah dapat memastikannya sama ada ianya akan menjadi Lebuhraya Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Pada masa ini semua Lebuhraya-lebuhraya dan jalanraya-jalanraya di Sabah dan Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing mengikut Perjanjian Malaysia, sungguhpun ada terdapat beberapa batang Lebuhraya yang dibiayai dan dibina oleh Kerajaan Persekutuan.

Berhubung dengan ini, Kementerian saya sedang membuat perbincangan dengan kedua-dua Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk mengkaji balik taraf Lebuhraya-lebuhraya yang dibiayai dan dibina oleh Kerajaan Persekutuan itu.

## BANJIR—PERBELANJAAN MEMPERBAIKI JALANRAYA

**24. Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berkaitan dengan kejadian banjir yang

berlaku di beberapa buah negeri khususnya di Negeri Johor dalam bulan Januari dan Februari ini berapakah kesan yang buruk banjir tersebut ke atas jalan-jalanraya di negara kita terutamanya jalan-jalanraya "Highway". Juga berikan anggaran perbelanjaan yang dikehendaki untuk memperbaiki jalan-jalanraya utama yang rosak oleh banjir tersebut.

**Dato' S. Samy Vellu:** Oleh kerana banjir pada tahun ini adalah amatlah buruk dan luarbiasa jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas dan pada hari ini pun keadaan banjir ini terutamanya di Johor belum lagi pulih dan tidaklah dapat saya menyatakan dengan pastinya setakat mana buruknya kesan banjir tersebut ke atas jalan-jalanraya dan lebuhraya-lebuhraya. Setakat ini kerosakan yang didapati ialah pemecahan ubin jalan dan lubang-lubang di sekitarnya, tanah-tanah runtuh dan ketimbusan longkang.

Setakat ini anggaran kos bagi memperbaiki kerosakan-kerosakan tersebut bagi jalan-jalanraya dan lebuhraya-lebuhraya yang diselenggarakan oleh Kerajaan Persekutuan ialah dalam lingkungan 10 juta ringgit.

## JABATAN BOMBA— PERUNTUKAN

**25. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah wang yang diperuntukkan untuk Jabatan Bomba Negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keempat dan dalam tempoh 2 tahun ini, berapakah alat pemadam api yang dibekalkan untuk balai bomba Sibul dan samada Kerajaan akan menambahkan alat-alat pemadam api untuk balai bomba berkenaan.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Jumlah peruntukan pembangunan bagi Jabatan Bomba Negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Keempat adalah \$8 juta. Peruntukan pembangunan ini adalah untuk pembinaan balai bomba Bintulu dengan anggaran kos \$2.6 juta dan pembelian kereta-kereta bomba berharga \$5.4 juta.

Dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, sebuah kereta bomba jenis bertangi 400 gallon berharga \$210,000 telah pun dibeli untuk balai bomba Sibu dan penghantarannya dari Pelabuhan Kelang ke Sibu sedang diuruskan.

Dalam hujung tahun 1984, Balai Bomba Sibu dijangka akan mendapat dua buah kereta bomba lagi berharga \$420,000.

#### BAYARAN PENGANGKUTAN DAN INSURAN

**26. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan pengaliran bayaran untuk pengangkutan (freight) dan insuran yang menelan belanja sebanyak \$2,872 juta dalam tahun 1983 yang mewakili 24% daripada jumlah pengaliran bayaran serius untuk tahun tersebut yang menyebabkan kedudukan yang lemah berhubung dengan imbalan bayaran Malaysia.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Sukacita saya menyatakan bahawa mengikut Laporan Ekonomi, bayaran untuk pengangkutan dan insuran dalam tahun 1983 dijangka adalah sebanyak \$2,467 juta dan jumlah ini memang diberi perhatian yang serius dari segi membaiki imbalan bayaran negara.

Kerajaan mengambil beberapa langkah tertentu untuk menentukan imbalan bayaran ini dikurangkan. Langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- (i) Menggalakkan pengeksport-pengeksport negara mengamalkan perdagangan *eksport* mereka secara c.i.f. (cost, insurance, freight) dan bukan seperti mana yang dijalankan sekarang iaitu secara f.o.b. (free on board);
- (ii) Membaiki dan membesarkan infrastruktur di pelabuhan-pelabuhan dalam negara. Ini termasuk perkhidmatan untuk kontena dan kargo-kargo lain disamping menyediakan dan melengkapkan peralatan di pelabuhan-pelabuhan Kelang, Pasir Gudang, Kuantan dan pelabuhan-pelabuhan di Negeri Sabah dan Sarawak untuk diselaraskan dengan perkembangan perdagangan eksport negara.
- (iii) Menggalakkan pengeksport-pengeksport bekerjasama untuk mendapat ruang atas kapal dengan kos yang rendah. Satu usaha telah dibuat kearah ini oleh pihak swasta iaitu dengan penubuhan Malaysia Freight Booking Centre Sdn. Bhd. Tugas yang akan dimainkan oleh badan ini ialah untuk mengumpul kargo untuk dieksport dan menempah ruang di atas kapal pada paras tambang yang berpatutan;
- (iv) Menggalakkan industri perkapalan melalui insentif cukai seperti:
  - (a) Memansuhkan cukai tokok sebanyak 5% (surtax) ke atas kapal yang beratnya melebihi 26 G.R.T;

- (b) Susut nilai dipercepatkan (accelerated depreciation) dengan membenarkan kelonggaran modal asas (initial capital allowance only for the 1st year) tahun pertama sebanyak 20% dan diberikan 80% lagi kelonggaran khas;
- (c) Pengecualian cukai ke atas pendapatan dari perniagaan perkapalan; dan
- (d) Kelasi dan pekerja di atas mana-mana kapal Malaysia adalah diberi pengecualian daripada cukai pendapatan yang diperolehi dari perkhidmatan yang dijalankan mereka.
- (v) Menentukan kadar tambang yang dikenakan oleh beberapa perkumpulan perkapalan (shipping conferences) tidak dinaikkan tanpa perundingan dengan Majlis Pengguna-pengguna Kapal Kebangsaan Malaysia.
- (iv) Menentukan perdagangan diadakan secara terus diantara Malaysia dengan negara lain. Ini dapat dijalankan melalui perjanjian perkapalan yang menekankan prinsip pengangkutan perdagangan secara terus;
- (vii) Rombongan-rombongan perdagangan yang dihantar ke pasaran-pasaran tertentu adalah untuk menyebarkan kepada pembeli-pembeli di negara lain mengenai struktur ekonomi dan industri negara termasuk barang-barang keluaran negara yang ingin dipasarkan atau dieksportkan.

Amalan ini akan mengujudkan hubungan perdagangan secara langsung diantara Malaysia dengan negara-negara lain.

(Soalan No. 27 dijawab pada 13-3-84)

#### PERKHIDMATAN UNDANG-UNDANG DAN KEHAKIMAN—PERJAWATAN

**28. Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pegawai-pegawai yang telah meletakkan jawatan dari pekhidmatan Undang-undang dan Kehakiman semenjak tahun 1982.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Seramai 65 orang pegawai telah meletakkan jawatan daripada Perkhidmatan Undang-undang dan Kehakiman semenjak tahun 1982 sehingga 1 Mac 1984.

#### PENDATANG HARAM VIETNAM

**29. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sehingga 29-2-84 ada berapa ramai lagi Pendatang Haram Vietnam yang masih tinggal di Malaysia. Apakah rancangan Kerajaan seterusnya mengatasi masalah yang tersebut.

**Datuk Musa Hitam:** Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah Pendatang Haram Vietnam yang masih berada di Malaysia pada 29-2-84 ialah seramai 9,602 orang.

Sehingga sekarang, pemindahan Pendatang Haram Vietnam ke negara-negara ketiga berjalan dengan memuaskan. Sejak 1-1-84 hingga 29-4-84 seramai 1,533 orang telah mendarat di Malaysia berbanding dengan 1,983 orang yang telah dipindahkan ke negara-negara ketiga dalam tempoh yang sama. Disamping itu, seramai

1,006 orang lagi Pendatang Haram Vietnam telah dipilih untuk dipindahkan ke negara-negara ketiga dalam bulan Mac 1984 ini.

Sungguhpun pemindahan Pendatang Haram Vietnam ke negara-negara ketiga didapati memuaskan tetapi kerajaan akan terus mendesak negara-negara ketiga untuk mengambil lebih ramai lagi Pendatang Haram Vietnam dari Malaysia.

Disamping itu kita telah mendapat pengakuan dari pihak Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Orang-orang Pelarian (United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR)) untuk terus merayu negara-negara ketiga, terutamanya negara-negara di Eropah Barat, mengambil serta menempatkan lebih ramai Pendatang Haram Vietnam dari Malaysia.

#### **PELAPOR MAHKAMAH— MENGHAPUSKAN**

**30. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan jika ada cadangan untuk menghapuskan pada keseluruhannya jawatan jurutrengkas dalam mahkamah-mahkamah dalam negeri ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Jawatan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu yang sebenarnya ialah jawatan Pelapor Mahkamah dan bukan jurutrengkas dalam mahkamah. Kajian sedang dibuat oleh Jabatan Kehakiman untuk memastikan sama ada jawatan Pelapor Mahkamah pada keseluruhannya perlu atau sesuai digunakan dalam mahkamah di negara ini.

#### **PUSAT KHIDMAT KAWASAN PILIHANRAYA**

**31. Tuan Seow Hun Khim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan

pusat-pusat khidmat di tiap-tiap kawasan pilihanraya supaya Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri akan dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan dan memberi perkhidmatan mereka kepada rakyat di situ pada masa dan tarikh yang ditetapkan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan pusat-pusat khidmat di tiap-tiap kawasan pilihanraya sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

#### **INDUSTRI DALAM NEGERI— PENUBUHAN**

**32. Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian apakah insentif-insentif yang diberi oleh Kerajaan untuk menggalakkan usahawan-usahawan industri melabur dalam negeri-negeri yang kurang membangun. Adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula insentif-insentif ini; kalau ada apakah pertimbangan-pertimbangan utama; adakah Kerajaan sedar bahawa ketidakcekapan ekonomi mungkin berlaku sekiranya terlalu banyak estet industri didirikan dan adakah Kerajaan bertujuan menggubalkan satu dasar industrialisasi yang menyeluruh; sekiranya ada, apakah komponen-komponen utama bagi dasar ini.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Galakan yang utama yang terdapat buat masa ini untuk menggalakkan penubuhan industri-industri di kawasan-kawasan atau negeri-negeri kurang maju ialah Galakan Tempat Kedudukan. Di bawah galakan ini, sesuatu projek yang ditubuh di Kawasan-kawasan Galakan Tempat Kedudukan layak mendapat sehingga 10 tahun pengecualian cukai. Selain daripada

galakan ini, projek-projek yang ditempatkan di kawasan-kawasan pembangunan layak menikmati tambahan satu tahun pengecualian cukai di bawah Galakan Taraf Perintis dan Pelepasan Cukai Penggunaan Buruh dan tambahan 5 peratus Kredit Cukai di bawah Galakan Kredit Cukai Pelaburan. Di samping itu, projek-projek yang dicadangkan untuk ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju selalunya diberi pertimbangan yang lebih liberal untuk galakan, iaitu, sesuatu projek yang biasanya tidak akan dipertimbangkan untuk galakan kalau ditempatkan di kawasan maju akan diberi galakan kalau ditempatkan di kawasan kurang maju. Beberapa usaha telah diambil untuk menyelarakan industri ke kawasan-kawasan kurang maju dan dari segi modal pelaburan, 64.8 peratus dari jumlah modal pelaburan dari tahun 1971 hingga 1983 adalah diluluskan untuk ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa ini boleh dibaiki lagi. Oleh yang demikian, Kerajaan sedang mengkaji semula galakan-galakan yang sedia ada itu supaya lebih berkesan. Pertimbangan yang utama dalam kajian ini adalah untuk mengurangkan kos infrastruktur dan kos mengurus bagi projek-projek yang ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju supaya setanding dengan projek-projek yang ditempatkan di kawasan-kawasan maju.

Kerajaan memang sedar bahawa terdapat banyak kawasan-kawasan perindustrian di negara ini. Walau bagaimanapun, masalah ketidacekapan ekonomi hanya akan berlaku jika kawasan-kawasan perindustrian ini ditubuhkan di tempat-tempat yang menghadapi masalah kekurangan tenaga mahir, kemudahan infrastruktur dan kemudahan industri sokongan. Usaha-usaha sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini

seperti membaiki lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan berkenaan serta penyediaan galakan-galakan yang lebih menarik bagi projek-projek di tempatkan di kawasan-kawasan perusahaan ini.

Mengenai dasar perindustrian, ahli Y.B. sedia maklum bahawa Kerajaan, dengan bantu UNIDO, sedang menyediakan satu Pelan Induk Perindustrian yang akan menetapkan garis-garis panduan untuk pembangunan perindustrian di masa hadapan. Pelan ini akan membantu dalam mengenalpasti industri-industri yang mempunyai potensi untuk berkembang, merupakan asas bagi pemilihan industri untuk eksport dan penggantian import dan akan digunakan sebagai garis panduan oleh Kerajaan dan institusi-institusi awam yang terlibat dalam pelaksanaan berbagai dasar Kerajaan.

## **RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KEDALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG TELEKOMUNIKASI (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG ELEKTRIK (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Elektrik 1949 dan Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam

Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
KAWALAN TIMAH (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kawalan Timah 1954; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
JALAN-JALAN PERSEKUTUAN  
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi seseorang untuk meminta, menuntut dan menyimpan tol berkenaan dengan jalan, jambatan atau feri Persekutuan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerjaraya; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PETROLEUM (LANGKAH-  
LANGKAH KESELAMATAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menyatukan undang-undang behubungan dengan pengangkutan, penstoran dan penggunaan petroleum dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
AHLI PARLIMEN  
(SARAAN) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Penerangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**USUL**

**UCAPAN TERIMA KASIH  
KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M.  
SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keenam”. (*13hb Mac, 1984*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

3.40 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya juga telah menyentuh tentang pembangunan kebudayaan kebangsaan sebagai satu cara mencapai perpaduan negara.

Dalam membincangkan rumusan satu dasar kebudayaan kebangsaan Kerajaan hendaklah ingat bahawa memandangkan Malaysia ialah sebuah negara yang pelbagai kaum dan pelbagai kebudayaan, apa juga dasar yang diputuskan mestilah bercorak pelbagai kebudayaan. Akan tetapi, saya merasa dukacita bahawa apabila kita menyentuh soal dasar kebudayaan kebangsaan, Kerajaan sering merujuk kepada Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 dan tiga prinsip yang mewujudkan satu kebudayaan kebangsaan yang dibuat sebagai satu dasar yang rasmi.

Saya suka mensifatkan dasar-dasar Kongres Kebudayaan ataupun prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 untuk mewujudkan sebuah kebudayaan kebangsaan Malaysia sebagai satu integrasi menerusi asimilasi ataupun penyatuan menerusi penyerapan yang mana asimilasi ialah cara dan end-product.

Jika demikian, maka saya suka menyatakan di sini ianya tidak boleh diterima sepenuhnya kerana pada akhirnya ianya merupakan satu dasar satu kebudayaan sahaja dan ini akan menjadi faktor pecah belah.

Saya suka menggesa Kerajaan sekali lagi supaya mengamalkan satu pandangan yang lebih liberal dan demokratik dalam layanannya mengenai soal ataupun isu kebudayaan kebangsaan supaya suatu asas untuk perpaduan negara boleh

diwujudkan dengan cara mengabungkan kebudayaan berbagai kelompok masyarakat dalam Malaysia menjadi kebudayaan kebangsaan. Saya mesti menekankan di sini bahawa dasar kebudayaan kebangsaan dalam wataknya yang sebenar hendaklah bercorak pelbagai kebudayaan bagi mencerminkan sepenuhnya tradisi pelbagai kebudayaan di negara kita.

Saya suka mencadangkan di sini bahawa satu Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang mewakili semua badan-badan kebudayaan berbagai kaum di Malaysia hendaklah diadakan supaya badan-badan itu boleh bertemu dan berbincang untuk merumus satu Dasar Kebudayaan Malaysia yang sebenar bagi mencerminkan hasrat ataupun kemahuan pelbagai kaum dan kebudayaan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda ada bertitah menggesa sektor swasta memainkan satu peranan yang lebih aktif dalam pembangunan negara di bawah konsep pensyarikatan Malaysia dan pengswastaan.

Seruan kepada sektor swasta supaya memainkan suatu peranan yang lebih aktif dalam pembangunan negara adalah kena pada masanya yang mana saya yakin bahawa sektor swasta hendaklah berganding bahu atau bekerja rapat dengan sektor awam dalam mencapai pembangunan negara. Penyertaan yang aktif oleh sektor swasta dalam pembangunan negara terutama dalam Kuala Lumpur, saya pasti akan membantu membuka pendekatan yang baru dalam arus kemajuan Bandaraya.

Di samping sektor swasta diharapkan dapat bergerak cergas hadapan menyertai konsep pengswastaan, saya suka menegaskan pada masa yang sama menggesa Kerajaan supaya merangka atau

menyusun garis panduan-garis panduan tertentu dan peraturan baru bagi memastikan bagaimana sektor swasta boleh menyertai dalam pembangunan. Garis panduan-garis panduan seumpama itu amat penting supaya sektor swasta boleh mengetahui dengan tepat bagaimana mereka boleh memainkan peranan mereka dan apa jenis bantuan yang mereka boleh harapkan daripada Kerajaan.

Berhubung dengan perkara pengswastaan, saya suka mencadangkan di sini bahawa Kerajaan hendaklah memberi kelulusan kepada usaha pengswastaan semua perbadanan kerajaan yang mengalami kerugian seperti Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang ada mengalami kerugian. Sektor swasta boleh menukarkan perbadanan ini menjadi badan-badan yang mencari keuntungan dan mana-mana badan yang sedang untung boleh mendapat keuntungan dengan lebih baik apabila ianya bergerak sebagai syarikat-syarikat swasta. Lain-lain sektor yang boleh diswastakan ialah kemudahan-kemudahan awam terutamanya dalam bidang bangunan dan pembinaan. Dalam hubungan ini sektor swasta boleh membantu membina lebih banyak rumah-rumah kos rendah misalnya untuk Dewan Bandaraya dan lain-lain projek yang ada berkait dengan kepentingan rakyat. Malahan kemudahan-kemudahan perhubungan seperti Telekom, Keretapi dan lain-lain boleh bergerak dengan lebih baik secara ekonomik dan cekap jika diuruskan oleh syarikat-syarikat swasta.

Tambahan kepada di atas, saya juga suka mencadangkan bahawa di bawah pengswastaan projek-projek yang dilaksanakan itu seharusnya berfaedah kepada masyarakat. Projek-projek seperti kompleks sukan, jejantas, tandas awam, tempat letak kereta dan

lain-lain kemudahan rekreasi boleh juga dilaksanakan di bawah konsep pengswastaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sentuhan juga telah dibuat dalam Titah Ucapan mengenai galakan secara besar-besaran eksport barang-barang pembuatan sebagai satu strategi baru untuk perindustrian. Satu pelan induk industri sedang digubal. Saya mengalu-alukan langkah menggubal satu pelan induk industri itu dan adalah menjadi harapan saya bahawa dalam proses penggubalan pelan induk itu pertimbangan seharusnya tidak sahaja diberi kepada industri-industri berat tetapi juga kepada pembangunan dan galakan industri kecil. Satu Perbadanan Perindustrian Kecil hendaklah ditubuhkan bagi menggalakkan perkembangan dan pembangunan industri kecil dalam negara ini. Penubuhan perbadanan seumpama itu adalah amat wajar oleh kerana ianya boleh diberi kuasa otonomi dan kepakaran yang cukup bagi melaksanakan dasar-dasar dan program untuk pembangunan industri kecil.

Walaupun perhatian perlu diberikan kepada perindustrian sabagai suatu kunci untuk masa depan ekonomi negara ini, saya suka menekankan di sini pada masa yang sama bahawa kebajikan para pekerja perindustrian kita untuk masa ini dan akan datang tidak akan diabaikan atau dilupakan. Dengan pandangan demikian, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya memperkenalkan satu dasar kebangsaan mengenai keselamatan pekerjaan dan kesihatan. Satu dasar seumpama itu amat diperlukan bagi mencegah kecederaan dan kecacatan kesihatan kepada para pekerja dan di samping itu boleh mengurangkan setakat yang mungkin sebab-sebab kemalangan dicari dalam persekitaran pekerjaan.

Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat hendaklah menimbangkan cadangan-cadangan yang begitu penting untuk keselamatan pekerjaan dan kesihatan. Memandangkan kepada pertambahan bilangan kemalangan perusahaan dalam negara ini, maka inilah masanya digubal satu dasar kebangsaan untuk memenuhi keperluan dan masalah dan merangka satu dimensi baru untuk keselamatan pekerjaan dan kesihatan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang ini untuk membangkitkan soal perkhidmatan perubatan. Bercakap bagi pihak rakyat jelata yang tidak mempunyai saluran atau punca kewangan untuk mendapatkan rawatan dalam pusat-pusat perubatan swasta. Saya mesti menyatakan di sini bahawa mereka sesungguhnya bimbang mengenai kekurangan kakitangan perubatan dalam hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara di samping laporan akhbar baru-baru ini bahawa lebih ramai pakar perubatan berhenti daripada perkhidmatan kerajaan untuk membuka klinik perubatan mereka sendiri. Walaupun ini bukanlah satu masalah yang baru dan Kerajaan sering menisbatkan pakar-pakar perubatan yang meninggalkan perkhidmatan dengan Kerajaan sebagai perkara biasa, tetapi Kerajaan tidak boleh menafikan bahawa pengajian perubatan adalah bentuk pelaburan yang sangat mahal. Oleh itu, Kerajaan dan negara mestilah sedar dari kelalaian mereka tentang kehilangan tenaga mahir yang berkelayakan dan berharga ini dan mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan doktor-doktor ini berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan bagi faedah rakyat.

Pakar-pakar dalam perkhidmatan Kerajaan berhenti bukan hanya disebabkan syarat pekerjaan yang tidak baik tetapi yang utama ialah kerana kecuaiannya. Kebanyakkan

mereka merasa kecewa kerana mereka ditempatkan dalam jawatan memangku untuk selama beberapa tahun dalam jawatan superscale tanpa disahkah. Sehingga hari ini hanya sedikit sahaja yang dilakukan untuk membaiki keadaan pekerjaan pakar-pakar dan doktor ini. Kerajaan masih belum mengisi atau menunaikan janji-janjinya untuk membaiki keadaan pekerjaan para pakar dan doktor. Sebagai contoh, sekarang sudah lebih dari setahun sejak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan satu skim baru untuk doktor Kerajaan tetapi Kementerian Kesihatan masih belum melaksanakannya lagi dengan yang penuh.

Memandangkan di atas, saya suka menggesa Kerajaan supaya mengambil satu pandangan yang serius mengenai keadaan pekerjaan pakar-pakar perubatan kita dan doktor-doktor dan mengambil langkah untuk memperbaiki keadaan pekerjaan mereka serta mengatasi rasa kekecewaan mereka itu. Jika Kerajaan tidak berbuat sesuatu yang positif bagi membaiki keadaan atau syarat-syarat pekerjaan itu maka larian cerdik pandai semakin bertambah dan kekurangan pakar dan doktor dalam perkhidmatan Kerajaan akan menjadi bertambah buruk.

Sesungguhnya, masa telah sampai untuk sesebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di Raja khas untuk perkhidmatan kesihatan, tidak sahaja untuk membuat satu kajian yang serius mengenai masalah perkhidmatan perubatan kita tetapi juga mengkaji keperluan kesihatan rakyat kita untuk tempoh selama dua dekad lagi.

Satu lagi perkara yang begitu menarik perhatian yang begitu serius ialah laporan baru ini bahawa seramai 1,700 orang Pembantu Hospital akan melancarkan mogok mulai 2hb April, 1984 bagi menuntut syarat pekerjaan

yang lebih baik. Sebanyak 60 buah Hospital, termasuk Hospital Besar di berbagai-bagai negeri, institusi perubatan terlibat jika mogok itu berlaku. Kementerian Kesihatan hendaklah mengambil satu pandangan yang serius mengenai perkara ini dan mengambil langkah untuk mengelakkan mogok ini demi kepentingan orang ramai. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Putih.

3.55 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Putih):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda yang dilafazkan di dalam Dewan yang mulai ini. Dalam Titah Ucapan yang beliau telah lafazkan "bahawa kemajuan pelajaran dan pembangunan kebudayaan merupakan alat yang penting bagi mencapai perpaduan negara". Saya suka hendak menyebut tentang perkara ini dari segi pelajaran.

Kita menjunjung tinggi dengan adanya Dasar Pelajaran kita, Pelajaran Kebangsaan dengan membolehkan anak-anak kita dihantar ke seberang laut. Tetapi sebagaimana yang kita tahu bahawa pelajar-pelajar yang ke seberang laut ini bukan sahaja terdiri dari golongan mereka yang mendapat biasiswa dari Kerajaan. Ada di antara mereka juga mendapat pergi dengan secara persendirian, dengan secara swasta, dengan secara perbelanjaan sendiri. Dan dengan cara ini pada satu ketika keadaan ini adalah terdapat lebih ramai daripada pelajar-pelajar yang dihantar oleh Kerajaan. Dan juga pada satu ketika golongan yang pergi dengan persendirian ini sudah tentulah sedikit sebanyak tidak

berasa penggantungan kepada Kerajaan, tidak mempunyai rasa puas hati yang mereka itu tidak mendapat biasiswa daripada Kerajaan.

Saya juga menyokong penuh tentang cara Kementerian Pelajaran mendaftarkan ataupun memberi izin ataupun memberi kebenaran setiap pelajar yang hendak menuntut di luar negeri yang setakat ini. Tetapi masih terdapat yang tidak mendaftar diri yang pergi dengan secara sukarela, dengan secara mendapat kebenaran visa dan pergi untuk menuntut pelajaran di luar-luar negeri tanpa diketahui oleh kita. Kalau pelajar-pelajar ini menuntut di luar dengan keadaan-keadaan yang ada di luar ini dengan sedikit sebanyak dia rasa tidak puas hati itu maka tidak hairanlah kalau timbulnya di antara golongan mereka ini yang menentang dasar Kerajaan yang militan sebagaimana yang pernah disuarakan oleh pihak Kementerian.

Mungkin pihak Kementerian dapat mengambil tindakan kalau sekiranya pelajar itu daripada golongan yang diberi biasiswa. Tetapi kepada mereka yang tidak diberi biasiswa pun maka Kerajaan juga seharusnya bertanggungjawab supaya mereka itu kembali nanti tidak akan jadi duri dalam daging, tidak akan mencucuk daripada belakang. Kerana mereka ini sudah tentulah pergi mempelajari ilmu pelajaran mengikut kehendak mereka sendiri tanpa diketahui oleh Kerajaan dengan menggunakan kewangannya sendiri kerana mereka ini adalah golongan yang kaya-kaya yang senang-senang dan orang yang pergi dengan biasiswa ini adalah mereka yang tidak mampu, yang miskin, anak petani, anak nelayan. Dan tabiat orang kaya sudah tentulah dia akan merasa tidak ada langsung penggantungan terhadap Kerajaan dan bagi mereka Kerajaan sudah tidak perlu. Maka dengan sebab itulah maka Kerajaan seharusnya mengambil sesuatu tindakan yang

sewajarnya. Tidaklah hendaknya Kerajaan melepaskan tangan seolah tidak mengambil tahu tentang adanya pelajar-pelajar persendirian atau swasta yang berada di luar negeri sedikit sebanyak mereka ini akan meracuni mana-mana pelajar lain termasuk pelajar kita yang mendapat biasiswa. Maka dengan keadaan ini bagi mengelak keadaan supaya keadaan tidak akan menjadi lebih buruk lagi saya mencadangkan beberapa perkara tindakan yang harus diambil sekiranya terdapat perkara ini berlaku, sama ada mereka ini pergi dengan biasiswa, sama ada mereka ini dengan persendirian, mereka ini akan kembali ke negara ini sebagai rakyat negara ini.

Kalau mereka ini sentiasa diselubungi dengan perasaan tidak puas hati dengan perasaan tidak ada pengantungan terhadap Kerajaan maka seharusnya Kerajaan mengambil tindakan sesuatu terhadap mereka ini. Setidak-tidaknya visa mereka ditarik atau kebenaran mereka berada di luar negeri ditarik atau mereka ini ditarik balik jika sekira mereka ini ada menjalankan keadaan perkara yang menentang dasar Kerajaan atau militan atau pergi tanpa diketahui oleh Kerajaan. Maka Kerajaan juga berhak memanggil balik mereka ini. Ini merupakan cadangan saya. Dan jika perlu kalau mereka ini sudah lagi tidak cintakan kepada negara ini, selalunya orang yang menceritakan tentang keburukan negara kita, kita anggapkan mereka ini sudah tidak cintakan kepada negara ini.

Kalau orang menceritakan keburukan negara kita, kita anggapkan orang yang tidak cinta dan tidak kasih kepada negara ini maka seharusnya kewarganegaraan juga digantung tidak kira siapa sahaja walaupun orang Melayu, walaupun orang Arab, walaupun orang Cina, walaupun orang India. Yang pentingnya kecintaan mereka

terhadap negara ini penting. Kerana kalau sekiranya kita biarkan keadaan ini sudah tentulah akan merebak satu masa nanti. Kerana mereka ini akan jadi orang tua, akan jadi pemimpin, akan jadi orang yang akan menentukan negara ini pada masa akan datang. Sebab itu tindakan-tindakan yang sebagaimana saya sebutkan tadi kalau tidak warganegara ditarik balik, digantung atau dibuat sesuatu yang boleh menentukan bahawa Kerajaan lebih berkuasa daripada mereka walaupun mereka mempunyai wang, walaupun mereka mempunyai sesuatu.

Jadi, kita tidak mahulah perkara ini akan menjadi lebih bahaya dan mereka ini akan menimbulkan subversif, mereka ini akan menimbulkan keadaan yang tidak baik kepada negara kita jika Kerajaan membiarkan tunas-tunas yang kita tidak kehendaki bagi pertumbuhan pembangunan di dalam negara kita pada masa akan datang.

Begitu juga saya hendak menyebutkan perkembangan di dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan kita. Di saat kita menentukan Dasar Pelajaran Kebangsaan di pusat-pusat pengajian tinggi dan saya rasa tahun 1983 yang lepas merupakan tahun kemuncak ataupun penghabisan di dalam pelaksanaan Bahasa Kebangsaan di peringkat universiti-universiti.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Di saat ini juga timbul suara sumbang yang tidak mahukan Bahasa Kebangsaan ini dipergunakan sepenuhnya di pusat-pusat pengajian tinggi dengan mencari helah dan mencari dalih mengatakan bahawa pelajar-pelajar mengikut Dasar Pelajaran Kebangsaan ini lemah dalam bahasa Inggeris, lemah dalam bahasa-bahasa lain dengan alasan bahawa mereka ini patut ditekan di

dalam bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain. Saya menyetujui tentang cara ini tetapi tidak akan menyentuh perkembangan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita terutama dasar menentukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa utama dalam negara ini. Bahasa bukanlah semestinya bergantung untuk menentukan kemajuan negara kerana saya pernah mendengar suara sumbang ini bahawa jika sekiranya rakyat tidak lagi mahir berbahasa Inggeris maka negara kita tidak akan mencapai kemajuan. Ini adalah pemikiran yang songsang yang tidak kita kehendaki dalam negara kita, kerana bahasa tidak ada kena-mengena dengan perkembangan negara.

Negara Jepun, rakyat Jepun adalah merupakan satu bangsa yang hidup dengan bahasanya sendiri dan mereka ini tidak begitu mahir dengan bahasa Inggeris tetapi mereka ini dapat menawan teknologi dan juga menawan kemajuan yang lebih daripada apa yang kita sangkakan yang dikuasai oleh negara Barat. Jadi, kalau bahasa untuk jadi sebagai satu alasan bahawa kemajuan negara tidak akan tercapai dengan ketiadaan bahasa Inggeris ini adalah satu daripada sebab-sebab yang tidak seharusnya kita pertimbangkan walaupun kita tahu pentingnya bahasa Inggeris sebagai satu bahasa yang perlu dipelajari, yang perlu diketahui. Dan kita tidak berasa hina kalau kita orang Melayu tidak tahu berbahasa Inggeris tetapi adalah amat hina dan amat dikeji kalau orang Melayu tidak tahu berbahasa Melayu dengan betul. Begitu juga daripada bangsa-bangsa lain. Mereka seharusnya mengetahui bahasanya dahulu dan juga mempertinggikan bahasanya itu adalah tempat yang sewajarnya. Misalnya kita terdapat lagi pusat-pusat pengajian tinggi kita yang masih mengamalkan bahasa Inggeris seratus peratus.

Misalnya di ITM yang kita tahu bahawa mereka ini merupakan satu daripada pengajian yang terdiri daripada ramai orang-orang Melayu tetapi penyampaian pelajarannya masih menggunakan seratus peratus dalam bahasa Inggeris dan didapati akhirnya banyak anak-anak Melayu yang gagal, katanya tidak mahir dalam bahasa Inggeris. Dan bahasa Inggeris ini merupakan satu syarat bagi mereka mencapai kelulusan. Dan kalau inilah benar sebagaimana yang saya ketahui, setakat yang saya terima maklumat, maka ini merupakan satu daripada perkara tidak seharusnya diamalkan. Kalau inilah tujuan untuk meninggikan pelajaran bahasa Inggeris kepada anak Melayu bukan ini caranya, cara-cara lain seharusnya boleh dibuat bukan cara mendera untuk menentukan perolehan sijil.

Kalau untuk mendera atau untuk mendenda bahawa sijil mereka tidak dapat tanpa kelulusan Inggeris maka ini adalah satu cara yang tidak kena tetapi jika sekiranya mengadakan kelas bahasa Inggeris yang lebih baik dan mengadakan tuition yang lebih banyak dan memberi peluang-peluang, kaedah-kaedah pengajaran yang lebih baik maka tidak ada sebab anak-anak kita tidak dapat memahami bahasa Inggeris, menguasai bahasa Inggeris walaupun ada di antara golongan yang kebimbangan bahawa rakyat Malaysia pada satu masa akan ramai yang tidak tahu berbahasa Inggeris, bagi saya adalah amat megah perkara ini.

Yang penting bukan bahasanya, yang penting ialah ilmunya, kebolehannya dan juga yang penting kita memahami apa pentingnya bahasa itu dan kita memahami bagaimana cara kita mendapat ilmu pengetahuan daripada buku-buku yang berselerak. Kita tidak seharusnya mengetahui, lancar dan membuat sesuatu bermegah-megah bahawa akulah orang yang paling handal

menggunakan bahasa Inggeris. Jadi, jika inilah terdapat kepada setengah segolongan daripada rakyat kita maka dasar dan kehendak Kerajaan di dalam menentukan pelancaran Dasar Pelajaran Kebangsaan, dasar menentukan Bahasa Kebangsaan tidak akan tercapai lebih-lebih lagi di dalam melaksanakan dasar penggunaan Bahasa Kebangsaan bagi seluruh negara di dalam bahagian pentadbiran. Jadi, kalau ini tidak diamalkan, kalau ini tidak ditentukan maka kepimpinan melalui teladan tidak kita teruskan, kita laung-lungkan tetapi hasrat di dalam menentukan Dasar Pelajaran Kebangsaan, dasar pelaksanaan Bahasa Kebangsaan di pejabat-pejabat, di semua pusat-pusat dan jabatan tidak kita teruskan maka sudah tentulah kepimpinan melalui teladan hanya tinggal perkataan sebagai lambang yang tidak pernah menemui matlamat dan hasrat yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak meneruskan tentang Dasar Pelajaran Kebangsaan dan juga Dasar Ekonomi Baru kita. Sebagaimana yang kita tahu semua kaum di dalam negara ini merasa tidak puas hati dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan juga Dasar Ekonomi Baru. Saya rasa tidak puas hati itulah membuktikan bahawa keadilan dasar yang telah dibentuk oleh Kerajaan. Kerana kita tidak mahu sesuatu pihak itu merasa puashati dengan dasar yang dibentuk oleh Kerajaan. Kerana satu pihak itu merasa puas hati; sudah tentulah satu pihak yang lain akan merasa tidak puas hati. Tetapi tidak puas hati itu adalah membuktikan bahawa orang itu tidak memahami sebenarnya tentang dasar yang kita maksudkan sebagaimana Dasar Pelajaran Kebangsaan begitu juga Dasar Ekonomi Baru dan juga Dasar Kebudayaan Nasional yang telah dibentuk sekarang ini. Tidak puas hati itu kadang-kadang timbul daripada perasaan kita yang tamak yang kita

memikirkan bahawa seharusnya kita mendapat sesuatu yang lebih daripada orang lain.

Kalau timbul daripada perasaan yang tamak dan tidak mahu melihat sesuatu pihak yang lain itu lebih, tidak mahu melihat orang lain itu senang maka sudah tentulah selama mana sekali pun pembentukan Dasar Ekonomi Baru baik Dasar Kebudayaan Nasional sudah tentu tidak akan mendapat matlamat dan juga tindakan menemui kehendak-kehendak yang sebenar bagi mewujudkan perpaduan di dalam negara ini. Dan kalau ada orang mengatakan bahawa Dasar Kebudayaan Nasional misalnya tidak akan mewujudkan perpaduan maka saya tidak tahu apakah dasar yang dikehendaki oleh sesuatu pihak itu. Kerana kita tahu bahawa setiap rakyat di dalam negara ini baik orang Melayu, baik orang China, baik orang India, mereka ini mesti menerima hakikat bahawa satu kebudayaan yang wujud, satu kebudayaan harus wujud di dalam negara kita ini yang boleh diterima oleh semua kaum, oleh semua pihak. Tetapi kalau kita masih hendak memperkenalkan satu kebudayaan yang berlawanan dengan kehendak dan ciri atau garis panduan kepada Kebudayaan Nasional, maka selama itu mereka ini tidak akan menerima hakikat bahawa wujudnya Kebudayaan Nasional yang dikehendaki oleh negara ini.

Jadi kalaulah begini caranya yang mereka ini masih hendak mewarisi kebudayaan-kebudayaan asing, kebudayaan-kebudayaan yang masih dipuja oleh negara-negara lain, maka selama itulah kebudayaan yang kita akan wujudkan ini tidak akan mewujudkan perpaduan tetapi kalau mereka ini sanggup menerima dan sanggup bertolak ansur, sanggup berkorban demi untuk mewujudkan satu kebudayaan yang telah direkabentuk bagi satu kebudayaan

yang boleh diterima oleh semua kaum, sama ada dengan bagaimana cara sekalipun yang boleh kita susun, yang boleh kita reka, bahawa kebudayaan itu merupakan satu kebudayaan yang hasil dan lahirnya daripada negara ini, maka sepatutnyalah kita terima sebagai satu garis panduan bagi kebudayaan nasional bagi negara kita.

Begitu jugalah dalam Dasar Ekonomi Baru, kadang-kadang ada setengah mereka ini takut bahawa Dasar Ekonomi Baru yang ditetapkan sebagai target garisan pada 1990, takut Dasar Ekonomi Baru ini dilanjutkan. Sebenarnya Kerajaan tidak pernah menjanjikan bahawa 1990 adalah tamat dan habis, selepas itu tidak ada lagi satu dasar yang membentuk ekonomi negara ini, tetapi 1990 adalah satu garis panduan untuk melihat sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan selama Dasar Ekonomi Baru ini dijalankan dan sekiranya matlamat Kerajaan tidak mencapai kepada 30% daripada ekuiti yang sebenarnya, bukan 30% daripada pembahagian-pembahagian lain, pembahagian-pembahagian yang diamalkan oleh setengah-setengah pihak yang tidak memahami tentang perkara ini, tetapi 30% dari segi ekuiti dalam negara ini jika sekiranya tidak tercapai maka Kerajaan tidak akan bertolak ansur untuk meneruskan matlamat Kerajaan ini, dan mencipta satu garis panduan yang lain yang boleh Kerajaan ini menentukan kejayaannya. Dan kalau ada mereka ini sangsi dengan dasar ini maka sudah tentulah mereka ini akan menentang tetapi tentangan mereka ini adalah penentangan daripada membuta tuli yang tidak akan melihat bahawa apakah ada golongan-golongan yang tertekan di dalam negara ini selama adanya Dasar Ekonomi Baru, tetapi sebaliknya dengan adanya Dasar Ekonomi Baru ini bahawa mereka yang telah kaya juga telah mencapai kejayaan yang lebih, mereka yang mempunyai ekuiti

yang lebih tinggi lagi walaupun ada di antara perubahan yang terdapat di dalam Dasar Ekonomi Baru ini kepada golongan yang tidak berada tetapi menjadi lebih ada. Maksudnya, tingkat ekuitinya bertambah tetapi tidak pernah lihat, tidak pernah dari segi hakikatnya terdapat bahawa golongan yang telah berada itu tertekan menjadi miskin atau golongan yang miskin itu tidak pernah mendapat perubahan dari segala segi.

Jadi dengan sebab itulah bahawa demi untuk kepentingan semua pihak daripada golongan yang tidak berada daripada semua pihak bagi memiliki ekuiti di dalam negara ini, terutamanya kepada golongan Bumiputera yang sentiasa hidup di dalam keadaan yang miskin, yang ada golongan yang masih lagi hidup dengan keadaan yang secukup hidup, maka mereka ini seharusnya diberi pembelaan dan disusun satu dasar dan juga supaya ekuiti dalam negara ini mencapai kepada 30% sebagaimana yang dikehendaki di dalam matlamat Dasar Ekonomi Baru ini walaupun melebihi daripada matlamat tarikh yang diberi oleh Kerajaan sebelumnya dan mereka yang takut itu adalah hanya takut kekayaan yang ada padanya akan terlepas tetapi sebenarnya tidak pernah terlepas. Kekayaan yang mereka miliki akan terus mereka miliki, kesenangan yang mereka miliki sudah tentu mereka terus miliki kesenangan, cuma mereka ini takut kepada perubahan tarikh sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu juga saya menyentuh tentang Dasar Pertanian Negara. Sebagaimana kita tahu bahawa negara kita merupakan satu negara pertanian dan semua jenis pertanian kita galakkan supaya dapat menghasilkan pendapatan yang baik kepada negara ini. Sebagaimana yang kita tahu bahawa tembakau merupakan hasil yang menguntungkan. Kalau sekiranya kita

usahakan tanam tembakau ini sudah tentulah tanah-tanah yang tidak boleh ditanam dengan tumbuh-tumbuhan yang lain, tanah-tanah beris, tanah-tanah yang berpasir boleh kita tanam tembakau. Tanah liat yang bercampur pasir ini adalah merupakan tanah yang paling baik sekali untuk kita tanam tembakau tetapi malangnya di saat perkembangan industri tembakau ini kian maju, kuota pembelannya dikurangkan oleh syarikat-syarikat yang tertentu atas dasar keperluan dalam negeri ini. Jadi kalau ini dihentikan maka industri tembakau dalam negara kita dan juga penanaman, kehendak petani-petani untuk menambahkan hasil daripada pertanian ini akan tidak dapat meneruskan usahanya sebagai petani apabila kuota tembakau ini ditarik atau dikurangkan.

Jadi oleh itu saya minta supaya negara kita lebih banyak menggunakan tembakau dalam negeri dan mengurangkan import dan kuota-kuota pembelian ini ditambah untuk dieksport. Kalau sekiranya kita dapati negara-negara jiran kita seperti Thailand dan juga Indonesia dapat mengeksport daun tembakaunya ke negara-negara lain, mengapa negara kita tidak dapat mengeksport pengeluaran daun tembakau kering di dalam negara kita ke negara-negara lain. Jadi ini setidaknya-tidaknya dapat menampung kekurangan kuota yang dibeli oleh kilang-kilang di dalam negeri.

Jadi dalam usaha ini saya minta kepada Kerajaan supaya mencari jalan bagaimana cara untuk memenuhi kekurangan kuota ini ataupun menambahkan pengeluarannya untuk dieksportkan. Kalau sekiranya ada golongan yang mengatakan bahawa tembakau dalam negara ini kurang mutunya maka mutu ini seharusnya dapat kita pertingkatkan dan ini boleh dipertingkatkan dengan adanya pakar-pakar daripada penyelidik-penyelidik

yang ada di negara kita dapat mempertingkatkan. Kalau sekiranya mutu tembakau kita ini tidak tinggi, tidak sesuai atau tidak dikehendaki oleh negara lain kerana sebagaimana yang kita tahu kadang-kadang mutu ini terletak kepada penilaian tiap-tiap orang itu. Kalau mereka itu akan mengatakan mutu tembakau kita ini rendah. Kadang-kadang ini juga merupakan penipuan ekonomi antarabangsa bagi menekan negara-negara pertanian sebagaimana negara kita. Jadi saya minta supaya Kerajaan mencari jalan supaya mengeksport daun tembakau negara kita ini ke luar negeri bagi menampung kekurangan kuota yang dijalankan sekarang.

Akhir sekali, saya akan menyentuh dari segi nilai-nilai Islam di dalam negara kita. Kadang-kadang apabila sebut Islam mereka ini tidak begitu faham. Kalau sebut Islam fahaman mereka kepada agama Islam. Sebenarnya kalau kita menyebutkan nilai-nilai Islam ialah nilai-nilai yang baik dan juga nilai-nilai Islam ini boleh diterima oleh agama-agama lain kerana kalau agama lain tidak menerima nilai-nilai Islam sudah tentu agama lain tidak akan menerima nilai-nilai yang baik. Jadi kalau ada golongan yang mempersoalkan bahawa nilai-nilai Islam ini tidak harus diserapkan dalam pentadbiran negara kita, dalam pemerintahan kita adalah golongan yang tidak mahu kepada nilai-nilai yang baik ini diserapkan kepada pentadbiran dan pemerintahan kita. Dan kalau inilah hasrat daripada golongan ini yang takut kepada nilai-nilai Islam, adalah saya menganggapkan mereka ini tidak begitu berniat baik terhadap masa hadapan negara kita.

Kerana kita tahu pembentukan nilai Islam ini bukanlah nilai yang dicipta oleh orang Arab, kadang-kadang ada setengah mereka menganggapkan penentuan nilai Islam ini dicipta oleh orang Arab ataupun dicipta oleh orang

Mesir. Tetapi nilai-nilai Islam ini tidak berkaitan dengan bangsa kerana nilai-nilai Islam ini dimiliki oleh semua bangsa yang beragama Islam yang juga mengetahui selok belok yang hidup di dalam masyarakat Islam yang sebenarnya.

Jadi, kalau nilai-nilai Islam ini ditakuti dan juga kadang-kadang takut kepada bayangan sahaja, apabila sebut nilai Islam mereka itu takut. Takut mempengaruhi masyarakatnya atau takut mempengaruhi dirinya atau takut mempengaruhi cara hidupnya. Tetapi sebenarnya apa yang kita amalkan sekarang ini pun sebagaimana yang kita tahu semangat perpaduan, semangat kejiranan, Rukun Tetangga semua itu merupakan satu daripada unsur-unsur Islam tetapi kita tidak pernah menyebutkan inilah nilai-nilai Islam yang kita kehendaki. Tetapi sebenarnya kita dalam negara kita telahpun mengamalkan. Cuma kita tidak sebut bahawa Rukun Tetangga ini merupakan nilai-nilai Islam.

Barangkali kalau kita sebut nilai Islam ramai di antara mereka yang tidak mahu kepada Rukun Tetangga. Sebab itulah saya meminta kepada Kerajaan supaya menerangkan kepada mereka yang tidak tahu, mereka yang tidak faham apakah yang sebenarnya nilai-nilai Islam ini dan kalau mereka itu tidak tahu Bahasa Malaysia tuliskan dengan bahasa Inggeris, kalau tidak tahu bahasa Inggeris tuliskan dengan bahasa Tamil, tidak tahu bahasa Tamil tuliskan dengan bahasa Cina, tidak tahu bahasa Cina tulis dengan bahasa Arab; supaya mereka ini mengetahui apakah itu nilai-nilai Islam yang sebenarnya.

Jadi, kita tidak mahu mereka ini takut kepada bayangan, takut kepada keadaan yang mereka tidak tahu. Kalau takut kepada keadaan yang mereka tidak tahu sudah tentulah

mereka ini akan mati beragan, kata orang; akan mati dengan keadaan yang tidak tahu apa sebabnya. Takut kepada sesuatu mereka tidak tahu, takut kepada bayangan, sudah tentulah akan menerima akibat yang buruk kepada jiwa mereka dan akan menerima prasangka yang tidak baik terhadap negara kita ini, walaupun hasrat Kerajaan ini baik bagi mengamalkan nilai-nilai Islam, nilai-nilai yang boleh diterima oleh semua kaum yang tidak ada bersangkut paut dengan amal ibadat ataupun rukun-rukun di dalam Islam. Kalau rukun-rukun di dalam Islam dikatakan nilai-nilai Islam, ini adalah daripada mereka yang tidak faham, yang tidak tahu masalah masyarakat Islam dan nilai-nilai Islam yang sebenarnya.

Akhir sekali saya suka menyebut, Tuan Yang di-Pertua, tentang kekurangan doktor. Dalam Dewan ini pernah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan bahawa pihak Kementerianya bepuas hati dengan adanya doktor-doktor dan dengan perkhidmatan doktor yang ada dan doktor-doktor yang ada itu sudahpun mencukupi. Saya menyuarakan hasrat ini apabila saya melihat setengah-setengah kawasan-kawasan, saya tidak tahulah kawasan-kawasan di Kuala Lumpur atau kawasan-kawasan lain, tetapi kalau kawasan saya sendiri sudah tentu doktor tidak mencukupi. Sepatutnya ada empat orang, masih ada dua orang. Ada dua orangpun ada doktor yang tidak senonoh.

Maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa sebut perkara ini kerana doktor ini tidak mahu berkhidmat di Pasir Puteh, katanya di luar bandar. Saya telah beritahu kepada Kementerian tetapi tindakan apapun tidak diambil. Maka saya terpaksa menyuarakan di sini. Doktor ini tidak mahu tinggal di Pasir Puteh kerana girl friendnya ada di Universiti Hospital Kuala Lumpur. Maka dengan sebab

itu dia buat perangai. Orang sakit dia kata tidak sakit, orang sakit gastric dia kata: awak sakit tidak makan; orang minta ubat sakit perut, dia beri ubat pening kepala. Jadi macam-macam cerita. Kalau inilah keadaan doktorinya.....

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Minta penjelasan atau Tertib Mesyuarat, Yang Berhormat?

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Minta dulu, minta apa?

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta jalan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Boleh.

**Dr Tan Seng Giaw:** Bolehkah Yang Berhormat memberi bukti, kehendak itu mengecam dan membidas bilangan dan kalangan doktor ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat minta sambung.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Orang makan lada terasa pedas. Saya tidak kata doktor dari Kepong tetapi saya menyebut doktor daripada Pasir Puteh dan apabila pergi ke Pasir Puteh kita boleh jumlahlah orang ini. Saya tidak mahu sebutlah namanya. Tidak percaya, pergilah. Saya boleh beri tambang, kalau tidak ada duit, saya boleh beri tiket kapal terbang untuk ke Pasir Puteh untuk melihat keadaan ini. Dan saya menyebut ialah daripada asas yang sebenarnya dan saya minta doktor ini supaya duduk dekat dengan girl friendnya atau tunangnya supaya mereka ini dapat berkhidmat dengan baik ataupun kalau hendak ajar hantar dia ke Sarawak, kerana kadang-kadang kita berlembut pun orang kata makin lembut nanti naik kepala. Jadi, saya mintalah kepada Kerajaan, kepada Kementerian berkenaan supaya mengambil tindakan yang

sewajarnya kepada doktor seperti ini, kalaulah kerana tunang duduk di Kuala Lumpur tidak mahu berkhidmat di Pasir Puteh. Pasir Puteh ini ada jalan, lampu elektrik pun ada; paip air pun ada dan rumah pun cantik kita utukkan kepada doktor, tetapi kalau tidak senang duduk di Pasir Puteh, janganlah seksa kepada pesakit-pesakit yang datang. Ini saya ada buktinya. Saya boleh cerita, ada statistik, ada kenyataan bila dan masanya perkara ini berlaku. Saya bukan bercakap omong di dalam Dewan yang mulia ini tetapi saya menyatakan ini adalah kenyataan sebenarnya.

Kalau pihak yang berkenaan hendak tahupun boleh jumpa saya selepas ini; bahawa keadaan seperti ini kalau disuarakan oleh Wakil Rakyat mintalah ambil perhatian dan tindakan sedikit, bukan kita main-main. Kita menyebut sesuatu ini demi untuk kepentingan rakyat di kawasan kita. Kalau kita minta doktor ini: misal kita minta mereka ini tukar ke lain ataupun minta mereka ini bekerja dengan baik tetapi sebarang tindakan tanpa diambil sudah tentulah akan sia-sialah sahaja suara yang kita suarakan kepada mereka itu. Dan rata-rata kita dapati bahawa kekurangan doktor berlaku walaupun Menteri kata tidak pernah kurang doktorinya tetapi di Pasir Puteh kurang. Patut ada empat, ada dua. Ada dua pun tidak cukup saiz. Tidak cukup saiz ini kerja tidak betullah. Jadi, kalau keadaan ini berlaku sudah tentulah menyedihkan kepada daerah ataupun jajahan seperti tempat saya ini. Kalau hanya jawab dalam Dewan ini untuk menyenangkan perasaan, saya rasa tidak sepatutnya, dan saya pernah mencadangkan supaya perkhidmatan negara diadakan kepada doktor private dan doktor-doktor pakar ini supaya mereka perkhidmat dengan Kerajaan bagi satu-satu masa bagi satu jam atau satu hari supaya mereka ini dapat menampung kekurangan doktor

dan juga swastakan Kelas 1 dan 2 bagi kemudahan orang-orang yang berada supaya mereka ini dapat menerima perubatan daripada doktor yang mereka sukai mengikut pilihan mereka.

Saya rasa dengan cara ini bolehlah kita dapat mengatasi kekurangan doktor. Jadi, saya minta kepada pihak berkenaan tidak lagi memberi jawapan menyatakan bahawa doktor mencukupi, tetapi ada tempat-tempat yang tidak mencukupi supaya keadaan ini akan dapat memberi kebaikan dan kesihatan kepada rakyat, kerana dalam Titah Di-Raja menyatakan bahawa Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan ini penting bagi mewujudkan rakyat yang sihat dan rakyat yang baik di dalam negara kita ini.

Dengan itu saya menjunjung kasih terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.29 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya dengan segala rendah diri bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan keizinanNya maka dapat saya turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan menyampaikan ucapan junjung kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dibentangkan oleh rakan sejawat saya Ahli Yang Berhormat dari Kuantan pada pagi semalam.

Tuan Yang di-Pertua, penyertaan saya dalam perbahasan ini semata-mata untuk menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat di kawasan saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini untuk

menyampaikan sedikit sebanyak pandangan dan fikiran bagi dimanfaatkan kepada negara, bangsa dan agama. Dan tidak sedikitpun saya berniat atau bertujuan untuk merendah-rendahkan atau menyanjungi sesiapa pun, tetapi sebagaimana yang ditegaskan adalah semata-mata untuk kepentingan bangsa, negara dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Titah Baginda yang mengatakan sejak Titah Ucapan di Dewan yang mulia ini pada bulan Oktober, 1982 negara terus berada dalam keadaan aman dan tenteram, kestabilan negara kita menjadi kebanggaan kita dan sanjungan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya keadaan dan suasana negara yang wujud sekarang ini bukanlah dicapai dengan mudah seperti kata pepatah: Yang bulat datang menggolek dan yang pipih datang melayang. Ianya tercapai hasil daripada berbagai-bagai usaha dan pengorbanan yang dicurahkan oleh ramai pihak terutama oleh pemimpin-pemimpin parti di dalam pemerintah atau parti-parti pemerintah. Walaupun mungkin ada pihak-pihak yang akan menafikan hakikat ini, tetapi mereka sudah pasti tidak dapat membohongi sejarah pembangunan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak berniat takbur, sukalah saya menyatakan sebagai seorang anggota di pihak penyokong Kerajaan, rakyat negara ini patutlah bersyukur kepada Tuhan dan berterima Kasih kepada parti pemerintah iaitu Barisan Nasional kerana di dalam Barisan Nasional yang mempunyai majoriti rakyat berbilang kaum, ditakdirkan Tuhan mempunyai rangkaian pemimpin-pemimpin yang terdiri daripada putra-putra, putri-putri Malaysia yang berjiwa besar, jujur, amanah, bertolarensi dan

bertanggungjawab kepada bangsa, negara dan ugama, walaupun mereka mempunyai berbagai-bagai keturunan . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*).

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat daripada Kepong minta jalan atau membacakan tertib mesyuarat?

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta penjelasan. Ini kena-megena dengan Yang Berhormat tadi.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat minta duduk.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Saya tidak beri jalan, masa tidak cukup, sebab masa kita dua hari sahaja diperuntukkan.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat beri jalan?

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tidak beri jalan.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Sila teruskan ucapan.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Walaupun mereka mempunyai berbagai-bagai keturunan, berlainan kepercayaan, tetapi mereka berjaya menerapkan rasa tanggungjawab yang selaras dengan aspirasi masyarakat majmuk di negara ini dengan bersendikan semangat toleransi, persefahaman dan muhibbah yang mengkagumkan dunia antarabangsa, sekalipun mereka digugat dengan berbagai-bagai fitnah di dalam atau di luar Dewan yang mulia ini oleh kawan dan lawan terutama yang dipelopori oleh parti-parti Pembangkang seperti DAP, PAS dan sebagainya. Misalnya pihak PAS dalam usaha melemahkan

Kerajaan, mereka menabur fitnah mengatakan UMNO hendak menjual Melayu kepada bangsa-bangsa lain di samping mengeluarkan berbagai-bagai fatwa untuk menakut-nakutkan orang Melayu dan berbagai-bagai usaha melemahkan perjuangan UMNO, tetapi pemimpin-pemimpin UMNO tidak pernah menukar haluan perjuangan sekalipun mereka dicabar dan diuji dengan berbagai-bagai cara.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga hal keadaannya dengan pemimpin-pemimpin daripada komponen Barisan Nasional, MCA, GERAKAN, MIC dan sebagainya, mereka diserang dengan hebat oleh DAP sama ada di Dewan yang mulia ini atau di luar Dewan dengan menaburkan fitnah bahawa mereka tidak punya maruah dan sentiasa mengikut telunjuk UMNO dan berbagai-bagai lagi. Tetapi cabaran-cabaran itu tidak dapat mematahkan semangat mereka untuk berganding bahu dengan UMNO bagi membela kepentingan negara dan rakyat Malaysia seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang demikian jelaslah kepada kita bahawa setiap mereka yang dipilih menjadi pemimpin di dalam Barisan Nasional ini sama ada yang berada di dalam Kerajaan sekarang ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri yang kita kasihi atau Kerajaan-kerajaan yang dahulu daripadanya atau yang berada di luar gelanggang Kerajaan adalah terdiri daripada orang-orang yang sudah teruji kewibawaannya, sebab itu Allah meredai mereka menerajui pemerintahan negara sejak negara ini mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, kewibawaan yang terdapat kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan itu, bersetentangan dengan izin Allah maka negara berada di dalam keadaan aman, tenteram dan stabil.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah telah membuktikan penderitaan yang menimpa rakyat sesebuah negara dan hancur musnah tamadun sesebuah negara adalah berpunca daripada kepimpinan yang tamak atau gilakan kuasa, kepimpinan yang mementingkan diri dan membelakangkan kepentingan negara dan rakyat, kepimpinan yang tidak tahu harga toleransi, kepimpinan yang tidak tahu harga persefahaman, kepimpinan yang tidak tahu harga muhibbah. Oleh itu keadaan yang berlaku di lain-lain negara itu patutlah diinsafi oleh rakyat negara ini.

Falsafah yang mengatakan pandanglah apa yang dikata, janganlah memandangkan orang yang berkata sudah ketinggalan zaman, seharusnya di zaman kemajuan sains dan teknologi ini kita perlu berbakti setelah melihat bukti-bukti yang jelas dan nyata.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda juga ada menyentuh berkenaan dengan penerapan Islam. Dalam usaha untuk mengekalkan tahap ketenteraman, keamanan dan kestabilan negara dalam dekad sekarang ini, penerapan nilai-nilai yang mulia atau nilai-nilai Islam seperti kejujuran, dedikasi, amanah, bertanggungjawab dan sebagainya amatlah penting dan mustahak terutama di kalangan anak-anak muda dan jenerasi baru agar mereka dapat mewarisi kepimpinan yang selaras dengan aspirasi rakyat dan kepentingan negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam ini telah menimbulkan keraguan di kalangan setengah-setengah orang bukan Islam, mengikut dakwaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada petang semalam. Saya berpendapat itu hanyalah pendapatnya sahaja tetapi keadaan yang sebenar tidaklah demikian. Namun demikian tidaklah

boleh kita menyalahkan mereka, kerana mereka tidak dapat menghayati ajaran Islam itu dengan sepenuhnya, mereka hanya mampu berdasarkan perbandingan-perbandingan dengan apa yang belaku di dalam negara-negara Islam semamata. Dalam hubungan ini saya masih teringat lagi tentang sikap setengah-setengah orang di negara kita merasa ragu-ragu akan keupayaan kita mengendalikan negara setelah kita mencapai kemerdekaan beberapa puluh tahun dahulu. Tetapi apa yang ternyata fikiran-fikiran dan rasa keraguan itu beransur-ansur lenyap dalam arus kejayaan kita mentadbirkan negara kita selepas merdeka. Oleh itu saya tidak sedikitpun akan merasa terganggu dengan pandangan-pandangan yang negatif yang disuarakan oleh pihak Pembangkang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah seorang ulamak, akan tetapi sebagai seorang Islam adalah menjadi kewajipan kepada saya untuk mengetahui sedikit sebanyak dasar-dasar umum di dalam Islam. Menurut fahaman dan pengetahuan saya yang cetek ini bahawa Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. telah menjamin kesejahteraan umat dan segala makhluk di dunia ini. Hakikat ini telah ditegaskan oleh Allah s.w.t. di dalam Al-Quran dengan FirmanNya, dengan izin, yang bermaksud: Tidak kami utuskan engkau wahai Muhammad, melainkan untuk membawa rahmat keseluruh alam. Dengan lain-lain perkataan, dengan kelahiran Islam itu telah membawa rahmat bukan sahaja terbatas kepada umat manusia, tetapi merangkumi keseluruh makhluk di dunia ini.

Misalnya, di dalam peraturan hendak membunuh binatang, Islam amat mencegah kita membunuh binatang dengan keadaan yang tidak baik atau dengan cara penyeksaan. Sebab itulah umpamanya jika kita

hendak menyembelih ayam, itek, kambing, kerbau dan sebagainya kita perlu menggunakan pisau yang tajam supaya pembunuhan tadi dapat dijalankan dengan keadaan yang baik, tidak menyiksa. Sebab itulah tidak dibenarkan oleh Islam kalau hendak membunuh ayam dengan hanya memulas lehernya sahaja, begitu juga itek dan sebagainya, sebab itu pada pandangan Islam adalah satu tindakan yang boleh menyeksakan binatang itu.

Ini sebagai satu contoh tentang rahmat yang diterima oleh binatang-binatang hasil dari kelahiran Muhammad atau Islam. Begitu jugalah umpamanya mahluk-mahluk yang lain, seperti kayu-kayan, pokok-pokok tanaman dan sebagainya. Islam amat melarang umat-umatnya apabila ia menanam pokok dibiarkan pokok itu kurus-kering begitu sahaja. Adalah menjadi satu dosa jika pokok itu tidak disiram dengan air, dijaga, dibuang rumput atau dibajai dengan baik. Ini satu lagi bukti yang menunjukkan bahawa mahluk pokok ini juga mendapat rahmat daripada kelahiran Muhammad.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagilah contoh-contoh yang dapat membuktikan bahawa sebenarnya Islam ini membawa kesejahteraan hidup kepada manusia dan memberi rahmat kepada semua mahluk di muka bumi ini.

Untuk melaksanakan ke arah penerapan ini sudah sepatutnya Kerajaan memulakan dari awal-awal lagi, bak kata pepatah: Kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungunya. Oleh itu saya mencadangkan sebagai satu rancangan jangka panjang supaya satu kurikulum yang berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara yang merupakan sebagai falsafah negara patutlah digubal untuk kegunaan pendidikan kanak-kanak di semua institusi pendidikan bermutu daripada peringkat tadika hingga ke universiti, sama ada di institusi yang

dikendalikan oleh Kerajaan mahupun oleh pihak swasta.

Kita tidak mahu melihat pembangunan yang tidak seimbang di antara pembangunan jasmani dan rohani. Kegagalan memperseimbangkan pembangunan itulah menjadikan punca yang menyebabkan timbulnya berbagai-bagai wabak penyakit masyarakat yang bertentangan dengan nilai-nilai atau norma-norma hidup yang mulia dan murni seperti tidak amanah, rasuah, pemeras, penyelewengan, penipuan, penyalahgunaan dadah, tamakkan kuasa dan berbagai-bagai lagi. Disamping itu, usaha-usah jangka pendek perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa seperti konsep Kepimpinan Melalui Teladan, Konsep Bersih, Cekap dan Amanah, Konsep mempertingkatkan daya pengeluaran di semua peringkat pentadbiran dan masyarakat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, punca kestabilan negara selain daripada kepimpinan yang berwibawaan, kita juga bersyukur kepada Allah kerana terdapat satu kelompok pegawai-pegawai pentadbir yang cekap dalam menjalankan pengurusan pentadbiran sama ada di bidang pengurusan kewangan, perkhidmatan dan pembangunan. Sekalipun kita tidak menafikan adanya sedikit sebanyak kelemahan, tetapi pada umumnya tidaklah menjejaskan kelicinan perjalanan pentadbiran negara pada keseluruhannya. Sungguhpun begitu, kita tidak harus berpuas hati dengan keadaan yang ada, sebaik-baiknya usaha-usaha ke arah mempertingkatkan mutu pentadbiran perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh kerana mereka adalah merupakan nyawa pembangunan bagi sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sumber yang tidak kurang pentingnya dalam menjamin keamanan, ketenteraman dan kestabilan negara

kerana kita mempunyai satu barisan angkatan keselamatan Tentera dan Polis yang terdiri daripada putera-puteri Malaysia yang mempunyai semangat keperwiraan yang tinggi. Walaupun bilangan dan kelengkapan mereka tidak segagah negara-negara yang maju, tetapi mereka terbukti berjaya mempertahankan setiap inci bumi bertuah ini daripada dinodai oleh mana-mana musuh negara sejak merdeka. Mereka sanggup meninggalkan anak isteri, mereka sanggup meninggalkan kampung halaman dan kalau perlu nyawa mereka dijadikan pertaruhan untuk mempertahankan maruah, bangsa, negara dan agama. Kita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas semangat keperwiraan mereka yang mengagumkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sudah seharusnya semua kita bersyukur ke hadrat Allah yang maha pengasih kerana negara kita telah dikurniakan dengan berbagai-bagai sumber kekayaan alam semula jadi dengan tanahnya yang subur, iklimnya yang sederhana, sumber galian yang melimpah-ruah, hasil hutan yang beraneka jenis, sungai-sungai yang berselerak di seluruh ceruk-rantau tanahair kita, pemandangan alam semula jadi yang indah dan berbagai-bagai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apakah yang kurang kepada kita ialah bagaimana nikmat kekayaan anugerah Tuhan itu dapat dimanfaatkan kepada rakyat negara ini khasnya dan manusia sejagat. Kalau tidak salah ramalan saya inilah satu-satunya hakikat yang menimbulkan ilham atau inspirasi kepada para pemimpin Kerajaan kita dari dahulu hingga sekarang terutama di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang ini supaya anak-anak masyarakat kita dapat diberikan sebanyak-banyaknya ilmu pengetahuan dan seluas-luas

pengalaman sama ada di dalam atau diluar negeri menerusi program latihan di dalam berbagai-bagai Kementerian atau institusi agar mereka dapat menimba sebanyak-banyaknya ilmu pengetahuan sama ada di Timur atau di Barat, di Utara atau di Selatan atau di mana-mana sahaja.

Sikap Kerajaan yang berpandangan jauh ini perlu diberi penghargaan, bukan dikecam dengan berbagai-bagai tohmahan. Misalnya ada orang mentohmahkan mengapakah Kerajaan membawa rakyat ini Pandang ke Timur, tidak ke Negeri-negeri Islam, kata setengah golongan. Ada pula yang mengatakan apakah rakyat Malaysia sudah lupa dengan penangan Jepun memerintah Tanah Melayu selama 3 tahun 8 bulan di mana rakyat hidup penuh menderita, negara berada dalam keadaan kacau-bilau dan huru-hara dan bermacam-macam lagi. Mereka sebenarnya bukanlah tidak faham dengan hasrat suci Kerajaan untuk melengkapkan diri anak-anak masyarakat kita supaya dapat dimanfaatkan kepada pembangunan negara, tetapi kerana mereka kecewa sekiranya dasar yang disarankan itu menjadi kenyataan, pengaruh mereka akan terus menurun, walaupun tidak terus pupus di negara ini. Sebab itulah mereka cuba menabur fitnah dan menimbulkan keraguan di kalangan rakyat, tetapi kita bersyukur rakyat tidak lagi sebodoh seperti yang disangkakan mereka. Rakyat sudah tahu menilai mana intan dan yang mana pula hanya batu biasa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian saya bersetuju dengan ramai pendapat bahawa setiap pelajar yang bakal dihantar ke seberang laut, sama ada ke Timur atau ke Barat mereka perlu di beri garis panduan yang tepat dan selaras dengan kehendak dan kepentingan negara agar mereka benar-benar mempunyai ketahanan nasional yang dapat menangkis

sebarang cabaran. Di samping itu, Kerajaan perlu mengadakan sebuah badan yang berfungsi untuk menjaga kepentingan mereka sepanjang mereka berada di luar tanahair. Dengan pengawasan dan perdampingan yang rapat dan erat itu mereka akan dapat dipimpin ke arah yang betul dan benar-benar menjadi duta negara di luar tanahair.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Luar Negara kita adalah merupakan benteng hadapan ke arah menjamin kestabilan negara. Dasar luar yang bebas, berkecuali dan tidak mengganggu atau mencampuri hak kedaulatan orang lain itu yang diamalkan oleh Kerajaan kita pada hari ini bukan sahaja perlu dikekalkan dan dipertahankan tetapi hendaknya menjadi warisan negara yang berterusan kerana sebagai sebuah negara yang kecil dan membangun ini kita amat perlukan ramai sahabat daripada musuh. Kejayaannya sudah terbukti, umpamanya pada mula-mula kita melancarkan dasar ini tidak ramai negara-negara yang sehaluan dan sejalan dengan negara kita. Pada ketika itu kita hanya dianggap oleh dunia sebagai negara-negara berkecuali, tetapi kini barangkali sudah hampir beratus-ratus buah negara kecil dan membangun ini bersatu di bawah panji-panji negara berkecuali ini. Dengan demikian, suara-suara mereka semakin lantang dan dihormati oleh negara-negara maju di dunia ini. Dengan perpaduan itu mereka sudah berjaya membentuk sebuah dunia baru yang dipanggil Dunia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merasa bangga menerusi semangat perpaduan yang ditaja bersama dengan negara-negara berkecuali di dunia ini, pandangan-pandangan yang disuarakan oleh pemimpin-pemimpinan dunia ketiga ini tidak lagi dipandang ringan oleh dunia antarabangsa. Ini adalah suatu petanda yang baik dan

diharapkan akan mendapat pengagihan kekayaan dunia dan penentuan pembangunan sosial ekonomi kebudayaan secara lebih adil dan saksama dalam pencantuman hidup manusia sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, sikap penentangan Malaysia ke atas sebarang penindasan dan kezaliman yang tidak berperi kemanusiaan itu kalau boleh tidak hanya terbatas kepada bidang pengambilan kuasa politik secara paksa semata-mata atau bertentangan dengan aspirasi rakyat bagi sesebuah negara. Kita juga berharap tidak hanya terbatas kepada hubungan dua hala ataupun konsep dialog Selatan-Selatan atau Utara-Selatan. Kerajaan juga perlu menyertai golongan-golongan yang menentang perlumbaan senjata di dunia ini terutama perlumbaan senjata di kalangan kuasa-kuasa besar di dunia hari ini kerana sikap gilakan kuasa, sikap gilakan pengaruh di kalangan mereka telah menimbulkan kebimbangan di kalangan umat manusia di dunia ini dan mengancam keselamatan dan kedamaian serta keamanan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ahli-ahli ekonomi dunia ada meramalkan seperti yang disebut oleh Duta Malaysia ke Perancis mengatakan Limbangan Pasifik yang meliputi Malaysia diramalkan menjadi pasak bagi kebangkitan semula perkembangan kemajuan dunia dalam kurun yang ke 21, tetapi kegembiraan kita akan terus hilang apabila kita membaca berita Soviet Russia telah menggerakkan kapal selam nuklearnya ke Luatan Atlantik untuk mengurangkan masa yang diperlukan bagi berpandunya menyerang Amerika Syarikat. Kapal selam itu telah membawa peluru berpandu nuklear dengan jarak sasaran sejauh 4,800 batu atau 7,700 kilometer. Kekuatan peluru berpandu itu yang ada di kapal selam itu dan terletak di luar perairan pantai

timur Amerika Syarikat akan memberi tempoh amaran hanya dua atau lima minit sebelum berlaku sesuatu peperangan nuklear berbanding dengan 25 hingga 30 minit sekiranya peluru berpandu itu dilancarkan dari perairan Soviet. Ini bermakna pembangunan yang dirancang oleh umat manusia memakan masa bertahun-tahun itu akan dapat dimusnahkan dan dihancurkan hanya di dalam tempoh 2 atau 30 minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mendengar rintihan-rintihan daripada mangsa bom atom di Hiroshima, Jepun dalam Peperangan Dunia Kedua dahulu walaupun sudah lebih 40 tahun berlalu berbagai-bagai kesan buruk masih dideritai oleh mereka hingga ke hari ini.

Mengikut cerita salah seorang daripada mangsa bom atom yang dilaporkan menerusi akhbar baru-baru ini iaitu bernama 'Sitsurku Surulu' yang kini sedang berkhidmat dalam Badan Kebajikan Masyarakat Kanada. Beliau mengatakan waktu itu beliau berumur 13 tahun. Beliau meluru mencari perlindungan di bawah meja di bilik darjahnya dan di luar bom atom meletup dengan kuat dan mengeluarkan cahaya amat terang bila bom itu digugurkan di bandar Hiroshima dan serta-merta membunuh 1/3 daripada 360,000 orang penduduk-penduduk bandaraya itu dalam tahun 1945 dan ramai dari mereka yang masih hidup sekarang sedang menderita penyakit jiwa. Demikianlah di antara kesan-kesan buruk yang dialami oleh manusia hasil daripada senjata-senjata yang berbahaya ini. Apatah lagi dengan senjata nuklear yang kekuatannya jauh lebih kuat dari senjata atom itu. Jika ditakdirkan berlaku peperangan nuklear di dunia ini maka dalam sekelip mata sahaja seluruh tamaddun dunia akan lenyap di muka bumi ini. Oleh itu, saya menyeru Kerajaan supaya mempengaruhi

masyarakat Dunia Ketiga sekurang-kurangnya supaya menyokong dengan sepenuh-penuhnya pergerakan anti nuklear yang wujud di dunia hari ini di samping menyeru negara-negara maju atau kuasa-kuasa besar menghadkan penggunaan senjata mereka untuk pertahanan dan keamanan, bukan untuk memusnahkan manusia dan menghancurkan tamaddun dunia.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai Dasar Ekonomi Baru saya berpendapat soal hendak melanjutkan tempohnya atau tidak sepatutnya tidak harus ditimbulkan sekarang. Apa yang perlu bagi kita iaitu mencari ikhtiar bagaimana kita dapat mencapai objektifnya iaitu sebanyak 30% penyertaan Bumiputera dari sektor perusahaan dan perindustrian secara aktif dan berkesan. Fikiran menimbulkan masalah ini akan menjejaskan keazaman kita ke arah pencapaian dan akan menimbulkan keraguan di kalangan ramai atas kebiwaan Kerajaan. Saya berharap pihak Kerajaan tidak akan melayan sebarang pandangan dalam masalah itu kerana Dasar Ekonomi Baru itu adalah hak ciptaan kita. Kita boleh menilai apabila tiba waktunya. Jika fikiran itu dilayan bermakna Kerajaan akan membuang waktunya yang berharga untuk meyakinkan rakyat atau menjelaskan kepada rakyat sama ada hendak dilanjutkan atau sebaliknya. Kita seharusnya menyedari hakikat bahawa keupayaan yang ada kepada kita manusia hanya berusaha dengan bersungguh-sungguh tetapi yang menentukan kejayaannya adalah Allah s.w.t. Dengan lain-lain perkataan, manusia hanya berupaya untuk mentadbirkannya sedangkan takdirnya adalah terserah semata-mata kepada yang Maha Kuasa lagi Maha Kaya. Dalam hubungan ini Kerajaan perlu menyemak dan mengkaji setiap inci perancangan dan jentera pelaksanaannya agar dapat dibetulkan mana-mana yang difikirkan lebih berkesan ke arah pencapaian sesuatu

matlamat. Langkah Kerajaan untuk membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat di dalam Dewan yang mulia ini adalah suatu langkah yang positif dan dialu-alukan. Kita berharap semua anggota Dewan sama ada penyokong Kerajaan atau Pembangkang akan turut sama mengambil bahagian untuk memberikan pandangan-pandangannya yang membina lagi perkesanan untuk menentukan arus perjalanan pencapaian rancangan itu benar-benar dapat menepati sasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekadar itulah pandangan saya di dalam perbahasan ini, saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmutullahi wabarakatuh.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

4.49 ptg.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat):** Bismillahirrahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang berucap bagi menyokong Ucapan Terima Kasih yang telah dicadangkan oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Kuantan semalam.

Pada hemat saya Titah Ucapan oleh Duli Yang Maha Mulia semalam adalah merupakan ucapan yang benar-benar ikhlas dan bersih yang mempunyai hasrat yang tersurat dan yang tersirat yang tidak mampu digambarkan keseluruhannya dalam masa yang amat terhad ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia semalam tetapi yang paling menarik sekali bagi saya ialah perakaman terima kasih Tuanku kepada Kerajaan di bawah pimpinan

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keyakinan Baginda terhadap sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan supaya sistem ini akan kekal berterusan.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, perakaman terima kasih ini dan keyakinan Baginda terhadap sistem yang ada adalah merupakan suatu penghargaan yang tinggi daripada seorang Raja pemerintah kepada Kerajaannya dan rasanya tidak terlalu kalau saya katakan bahawa ini adalah merupakan satu doa yang tinggi nilainya kepada pimpinan yang ada dengan harapan sistem yang ada ini bukan sahaja berkekalan tetapi akan secara terus menerus mendapat berkah dan hidayah daripada Allah Subhanahu wa taala.

Sudah tentu Duli Yang Maha Mulia Tuanku membuat perakaman ini adalah kerana, antara lain, kesedaran Baginda bahawa baharu-baharu ini timbul berbagai-bagai fitnah berbangkit dari Pindaan Perlembagaan yang telah dipersetujui bersama oleh semua pihak. Fitnah ini lahir dari golongan tertentu yang ingin mengambil kesempatan daripada keadaan yang ada.

Sebenarnya dan pada hakikatnya pindaan yang berkenaan tidak ada apa-apa masalah dan tidak patut dipermasalahkan.

Tetapi malangnya ia menjadi masalah. Di luar kehendak kita semua ini telah dimasalahkan oleh segolongan kecil yang memang tabiinya ataupun yang memang perangnya suka membuat dan mencari masalah.

Orang yang suka mencari masalah, sifatnya yang tidak ada, diada-adakan, yang kecil dibesarkan, yang putih dikelabukan, dan yang kelabu dihitamkan.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah, masalah ini telah tamat. Segala apa yang timbul itu yang dikenal sebagai krisis Perlembagaan telah selesai. Segala tuduhan yang dilemparkan selama ini ternyata tidak betul belaka.

Keciwa besar golongan mereka yang berusaha mengambil kesempatan selama ini. Kecewa besar mereka kerana mereka menganggap isu itu dapat digunakan atau dapat diperalatkan bagi tujuan mereka, dapat dipergunakan bagi tujuan peribadi mereka, atau dapat diperkudakan untuk golongan mereka. Tetapi nampaknya mereka tidak dapat melakukan demikian.

Tuan Yang di-Pertua, Allah telah menolong kita. Allah tidak menolong mereka. Allah bersama kita. Allah tidak bersama dengan mereka yang suka membuat fitnah. Allah bersama dengan pihak kita yang benar, Allah tidak bersama dengan pihak yang batil. Mereka yang suka membuat fitnah itu cuba mahu menipu kita tetapi ternyata mereka ditipu oleh diri mereka sendiri menyebabkan mereka menjadi golongan yang paling keciwa.

Bagi saya kekecuan yang berlaku baharu-baharu ini adalah merupakan suatu hikmah Allah Subhannhu wa taala. Hikmah ini adalah bertujuan untuk memberi jalan yang jelas dan nyata kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan untuk memberi kesempatan bagi beliau untuk mengenalpasti dan membezakan di antara kawan dengan lawan, antara sahabat dan musuh supaya tidak wujud lagi apa yang dikatakan telunjuk lurus, kelinking berkait.

Kekecuan yang berlaku baharu-baharu ini tidak ubah seperti kedatangan ribut taufan yang melanda sesuatu negeri dan bila ribut taufan itu telah reda, maka terdapatlah beberapa pokok yang kurang kuat akar

tunjangnya tumbang bersama pokok-pokok yang lain, di samping itu pokok yang kuat, yang gagah tetap mencengkam di perut bumi.

Bagi tujuan masa hadapan kita dan bagi tujuan menjaga sistem yang ada, supaya tidak ada lagi mana-mana golongan yang mengambil kesempatan yang seumpama ini, maka saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Dalam Negeri, pihak Pendaftaran Pertubuhan supaya memastikan semua pertubuhan parti-parti politik di negara ini, memberi kedudukan atau mencatatkan di dalam perlembagaannya di bawah bab tujuan penubuhan parti yang berkenaan, tentang jaminan untuk menjaga sistem yang ada dan bersedia untuk mempertahankan kedaulatan Raja-raja Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, setakat yang kita tahu, tidak ada satu parti pun dalam negara ini yang mencatatkan dalam perlembagaan partinya untuk menjunjung dan memelihara kedaulatan Raja-raja Melayu. Hanya UMNO sahaja yang mencatatkan demikian.

Ada satu parti politik yang menamakan dirinya Islam dan banyak mengambil kesempatan dan sering menangkuk di air keruh, ketika kekecuan baharu-baharu ini. Dan kesempatan ini masih digunakan secara berterusan hingga ke hari ini. Tidak tercatat pun dalam perlembagaan mereka tentang kasih dan cinta mereka kepada sistem Raja Berperlembagaan yang diamalkan di negara ini.

Bahkan sebelum kekecuan berlaku, bahkan sekarang ini pun di kampung-kampung, mereka sering berkata, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ertinya, mereka sering memperkatakan sesungguhnya aku tidak akan sujud melainkan Allah semata-mata dan aku tidak hormat

melainkan kepada umat Islam sahaja. Mereka sering membuat tuduhan kepada kami daripada pihak Kerajaan. Kononnya kami sujud sesama makhluk dan kami ini hanya memberi penghormatan kepada yang bukan Islam. Mereka menganggap bahawa sistem yang ada, tradisi dan adat istiadat hidup beraja di mana adanya istiadat sembah kasih dan junjung duli yang sering dilakukan kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja kita dianggap sebagai sujud, lalu dituduhnya yang kami sujud kepada makhluk. Ini adalah merupakan suatu tuduhan yang tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sesiapa pun yang menafikan bahawa apa yang dikatakan sujud hanya kepada Allah sahaja dan tidak ada sesiapa pun di antara orang-orang Islam yang ingin dirinya disujud. Tetapi janganlah dikelirukan tradisi sembah kasih yang kita lakukan adalah merupakan hormat kita dan kasih sayang kita kepada Raja kita. Dan tidak pernah sama sekali kita menyamakan atau menyekutukan cinta kasih dan hormat takzim kita kepada Allah sebagai khalik dengan makhluk.

Di sini saya ingin memberi peringatan supaya tidak ada lagi pihak-pihak yang berlagak dan bertindak seperti cerita pencuri. Apabila orang kampung semua keluar untuk menangkap pencuri, pencuri yang berkenaan pun keluar dari persembunyiannya dan mencelah di tengah-tengah orang ramai dan berlagak sebagai penunjuk jalan ke arah mana pencuri itu lari, sebenarnya dialah pencuri.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan nilai-nilai mulia sebagaimana dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam, di sini saya ingin menyentuh tentang penyatuan umat Islam dan keharmonian rakyat di luar bandar.

Saya ingin menarik perhatian tentang penggunaan slogan Allahuakbar bagi tujuan untuk menimbulkan perasaan marah orang ramai kepada pimpinan yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, slogan Allahu Akbar adalah slogan yang maha suci dan maha mulia yang dimiliki oleh semua umat Islam. Perkataan Allahu Akbar inilah yang diucapkan beberapa kali di dalam sembahyang lima kali sehari semalam dan di dalam mana-mana sembahyang yang lain.

Suara-suara yang menyebut slogan Allahu Akbar adalah sebenarnya suara yang lahir dari sanubari manusia muslim yang muttaqin dan muslim yang salleh. Bukan suara yang hanya ditekankan oleh nafsu marah yang tidak tahu hujung pangkalnya.

Oleh yang demikian setiap orang tidak boleh mendakwa bahawa selogan itu adalah miliknya ataupun milik golongannya dan selogan tersebut juga tidak boleh dipermainkan atau dipergunakan bagi tujuan selain daripada tujuan mencapai keredaan Allah s.w.t. Kita amat sedih bahawa di akhir-akhir ini selogan itu telah digunakan bagi tujuan tertentu untuk menarik perhatian orang ramai dengan hasrat untuk mendapatkan sokongan tertentu. Di akhir-akhir ini juga laungan Allahu Akbar disebut oleh orang-orang tertentu dalam keadaan-keadaan yang amat tidak sopan. Mereka menyebut perkataan Allahu Akbar ini dengan suara lantang dan tangan kanan yang tergegang diangkat di atas kepala. Orang-orang yang mukmin, orang-orang yang muktaki dan salih tidak melakukan demikian. Mereka menyebut perkataan ini dengan nada halus dan dengan suara yang lembut yang menampakkan keikhlasan dan kejujuran dan kebersihan hatinya sebagai Muslim.

Kita tidak mahu perkataan Allahu Akhbar ini dijadikan alat bagi tujuan untuk menjejaskan orang-orang lain. Kita tidak mahu perkataan Allahu Akhbar ini digunakan bagi tujuan untuk menimbulkan emosi dan perasaan marah. Kita tidak mahu perkataan Allahu Akhbar itu digunakan pada tempat-tempat yang tidak munasabah sesuai dengan kemuliaan perkataan yang berkenaan. Kita mahu perkataan Allahu Akhbar tidak digunakan untuk memecah belahkan umat Islam tetapi bagi pengukuhan iman dan takwa.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang dasar pertanian negara yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam, saya rasa anih mengapa di negara kita yang begini makmur ramai di antara belia kita di luar bandar berhijrah ke bandar dan paling mendukacitakan ramai pula yang berhijrah ke Singapura untuk menjadi buruh di sana. Saya merasakan anih mengapa di luar bandar banyak tanah-tanah yang terbiar, tanah-tanah yang tidak diusahakan.

Di sini saya ingin menimbulkan beberapa persoalan yang menjadi satu keanihan kepada diri saya, yang saya sendiri pada hari ini tidak dapat menjawabnya. Apakah, Tuan Yang di-Pertua, industri pertanian dan ternakan di negara kita ini tidak ekonomi lagi? Apakah air tanah dan udara di negara kita ini sudah tidak dapat lagi menghidupkan ternakan yang segar dan tidak boleh menumbuhkan tanaman yang subur? Apakah perusahaan-perusahaan kecil tidak dapat diwujudkan di luar bandar? Apakah belia-belie kita hari ini terdiri daripada golongan pemalas, beku dan bersifat negatif. Apakah bahan-bahan asli di kampung-kampung di negara kita ini sudah tidak boleh dipergunakan lagi bagi kepentingan negara? Apakah Kementerian-kementerian yang

berkhidmat dengan bidang-bidang ekonomi tidak dapat memikirkan masalah-masalah untuk menambahkan ekonomi rakyat kita di luar bandar yang berasaskan kepada pertanian dan penternakan? Apakah pegawai-pegawai kita sudah tidak mempunyai kemahuan ataupun persediaan untuk menolong rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, saya datang daripada daerah Tumpat, daerah ini bersempadan dengan negeri Thailand. Tanah, air dan udara di antara Tumpat dengan Selatan Thailand ini pada hemat saya adalah sama tetapi mengapa boleh belaku tanaman-tanaman seperti limau, mangga, tembikai, durian dn berbagai jenis buah-buahan dan juga berbagai jenis sayuran amat subur di selatan Thailand. Ternakan daging seperti lembu, kerbau, biri-biri, ayam, itik boleh hidup dengan biak tetapi tidak dapat diusahakan di Kelantan. Penangkapan ikan pun lebih maju di sebelah sana, orang-orang Kelantan lebih suka makan benda-benda daripada Siam daripada benda-benda di tempatnya sendiri. Mengapa di negeri kita tidak dapat mengusahakan ternakan ikan, ayam, udang dan sebagainya sebagaimana yang berlaku di sana. Mengapa hal-hal yang seumpama ini boleh berlaku sedangkan kita mempunyai Kementerian yang khusus dalam bidang ini dan kita mempunyai tenaga belia yang ramai.

Saya amat setuju dengan pandangan yang diberi oleh Tuanku dalam Titah Ucapannya supaya kita perlu bersikap positif dalam menyelesaikan masalah ekonomi dan berusaha menerapkan nilai-nilai yang mulia sebagaimana yang disebutkan oleh Baginda. Saya tidak percaya bahawa belia-belie kita adalah terdiri dari golongan pemalas, lemah dan tidak positif lagi. Tetapi apa yang penting semua pihak

hendaklah menghidupkan semula "Revolusi Mental" yang pernah kita selogankan pada beberapa tahun yang lepas.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong ucapan terima kasih yang dicadangkan oleh sahabat saya dari Kuantan semalam.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang berhormat dari Kuala Kedah.

*5.17 ptg.*

**Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Keenam pada 12 hb Mac yang lalu.

Saya turut gembira dengan pemulihan ekonomi dunia, ekonomi negara dapat terus berkembang pada tahun ini. Saya percaya dengan harga barangan utama seperti getah, kelapa sawit, koko dan kayu kayan, pendapatan rakyat di dalam sektor-sektor ini bertambah baik dan dengan secara tidak langsung wang pendapatan negara juga akan bertambah. Dengan bertambahnya wang negara, saya percaya hasrat Kerajaan seperti titah Duli Yang Maha Mulia untuk memberi kemudahan-kemudahan asas seperti jalan khususnya jalan luar bandar, pembekalan air dan kuasa elektrik dapat dipercepatkan lagi.

Sungguhpun perencanaan telah dibuat sejak 8 tahun dahulu masih banyak lagi kampung-kampung dan kawasan-kawasan luar bandar yang belum dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas ini sehingga ke hari

ini dengan alasan peruntukan daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri tidak mencukupi.

Di kawasan Parlimen saya di Kuala Kedah misalnya 12 rancangan bekalan elektrik yang dianggarkan belanjanya sebanyak \$3 juta masih menunggu peruntukan-peruntukan tahunan yang tidak dapat menampung rancangan bekalan elektrik ke seluruh negeri Kedah yang mengandungi 13 kawasan pilihanraya Parlimen kesemuanya.

Memandangkan adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membekalkan elektrik ke seluruh negara, saya merayu agar peruntukan tahunan ke negeri Kedah untuk bekalan elektrik dapat dilipatgandakan supaya kebanyakan kampung-kampung yang belum mendapat bekalan elektrik akan mendapatnya sebelum berakhir Rancangan Malaysia Keempat pada tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah menjadi keluhan rakyat selama ini berkenaan api elektrik lebih-lebih lagi rakyat menghadapi kesulitan bekalan air minum, saya berharap benar kedua-dua kemudahan asas ini dapat diberi perhatian berat di dalam Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang akan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini tidak lama lagi.

Berkenaan dengan jalan-jalan di luar bandar, saya ingin menyatakan bahawa masih banyak lagi tumpuan yang perlu diberikan oleh Kerajaan untuk memberi kemudahan-kemudahan perhubungan kepada penduduk-penduduk yang tinggal di luar bandar.

Jalan-jalan yang bermutu, jalan-jalan ladang, titi-titi menyeberangi sungai-sungai lama dan sungai korek atau taliair-taliair tidak dapat dibina dengan sempurna dengan alasan peruntukan tidak ada oleh sebab

ekonomi dunia meleset. Ada jalan-jalan tanah merah yang telah dibina 10 tahun dahulu tetapi hingga hari ini belum dapat ditaruh batu dan ditarkan. Oleh sebab yang demikian rakyat menderita dengan menggunakan jalan-jalan yang selalu rosak, berlubang-lubang dan berdebu di musim panas dan becak di musim hujan. Proses pengambilan tanah sudah pun selesai dan wang pampasan sudah pun dibayar sejak beberapa tahun yang lalu, tetapi tindakan selanjutnya tidak diambil sehingga sekarang. Begitu juga dengan rancangan menaikkan taraf jalan-jalan kampung yang tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kita semua untuk melihat rakyat di negara ini hidup bahagia. Kebahagiaan dan kesejahteraan hidup rakyat meliputi berbagai aspek, seperti keselamatan yang terjamin, ekonomi, pelajaran kerohanian dan lain-lain. Rakyat yang miskin sudah tentu mengharapkan pendapatan mereka akan bertambah dari masa ke semasa. Dengan wujudnya ekonomi yang berkembang dan kenaikan harga barangan utama keluaran negara ini segolongan rakyat akan merasai nikmat dari segi penambahan pendapatan mereka. Ada di antara mereka sudah tentu dapat tinggal di rumah-rumah yang selesa dengan pendapatan yang memuaskan. Pekerjaan mereka terjamin dan dengan adanya skim pampasan untuk pekebun-pekebun kecil dan penoreh-penoreh getah, mereka dilindungi di masa-masa mereka mengalami kesusahan oleh sebab kemalangan di waktu kerja. Tetapi bagi nelayan-nelayan dan petani-petani yang bersawah, pendapatan mereka telah berkurangan apabila Kerajaan menarik balik subsidi harga diesel. Tuan-tuan punya bot dan traktor telah membebaskan

kenaikkan kos ini kepada nelayan-nelayan dan petani-petani dan dengan ini pendapatan mereka telah berkurangan.

Bagi nelayan-nelayan yang tinggal di tebing-tebing sungai khususnya di Kuala Kedah, rumah-rumah mereka selalu diancam oleh hakisan air kepada tebing-tebing sungai. Sehingga pada hari ini 28 buah rumah, 9 kedai dan 18 pelantar telah roboh akibat hakisan dan yang terancam dan akan roboh ialah 66 buah rumah, 7 kedai dan satu buah masjid. Pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah telah membuat kajian dan mencadangkan satu tembok sebagai benteng didirikan yang akan menelan belanja sebanyak \$2.5 juta. Saya berharap benar dan merayu kepada Kerajaan supaya mengakaji semula penarikan balik subsidi harga diesel yang melibatkan pendapatan nelayan-nelayan dan petani-petani. Saya juga merayu kepada Kerajaan untuk memberi peruntukan yang dikehendaki dengan seberapa segera untuk membina tembok di sungai Kuala Kedah bagi menahan hakisan air yang mengancam nelayan-nelayan yang tinggal di tepi sungai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu masa dahulu di dalam Dewan yang mulia ini saya telah menyarankan sudi kiranya Kerajaan menggubalkan satu skim insuran untuk melindungi nelayan-nelayan di masa-masa mereka mengalami kemalangan dan di masa-masa mereka keuzuran. Dengan adanya skim ini nelayan yang kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang ada dapat jaminan saraan kepada mereka dan keluarga mereka di masa-masa mereka tidak dapat pergi ke laut. Saya turut gembira apabila Kerajaan mengumumkan skim Pampasan Kemalangan kepada pekebun-pekebun kecil dan penoreh-penoreh getah. Alangkah baiknya jika Kerajaan juga akan menggubalkan satu skim pampasan kepada nelayan

yang tidak kurang memerlukannya seperti pekebun-pekebun kecil dan penoreh-penoreh getah di negara kita ini.

Bagi menjamin penduduk-penduduk desa yang menumpang di tanah-tanah Kerajaan, di resab-resab sungai, jalan dan taliair-taliair untuk mendapat tapak rumah dan hakmilik yang sah, saya mencadangkan rancangan-rancangan perumahan awam dapat ditingkatkan lagi dan bilangan rumah-rumah di dalam satu-satu rancangan dapat ditambah supaya kebanyakan pemohon-pemohon yang memerlukan rumah dapat kejayaan.

Saya juga mencadangkan rancangan penempatan semula nelayan-nelayan di perkampungan-perkampungan nelayan yang tersusun dan teratur dapat diperluaskan lagi di seluruh negara. Janganlah rancangan-rancangan ini ditumpukan kepada setengah-setengah tempat sahaja tetapi tidak di tempat-tempat lain.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan masalah yang dihadapi oleh petani-petani di kawasan MADA. Oleh sebab terjadinya penyakit merah padi, pihak Kerajaan terpaksa mengeringkan sawah-sawah buat beberapa bulan untuk mencegah penyakit ini. Oleh yang demikian petani-petani tidak dapat mengerjakan sawah-sawah mereka buat satu musim. Akibat daripada tindakan ini petani-petani mengalami kerugian dan tidak dapat menjelaskan pinjaman-pinjaman mereka kepada bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang lain. Untuk mengatasi masalah ini saya mencadangkan supaya Kerajaan dapat mewujudkan kerja-kerja sampingan bagi menampung pendapatan petani-petani tersebut serta menanggukhkan bayaran balik wang pinjaman mereka kepada bank-bank sehingga musim hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong usul menjunjung kasih yang telah dibawa oleh rakan saya dari Kuantan pada hari kelmarin.

Sekian, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.27 ptg.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur dan terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Ucapan Di Raja pada 12 Mac, 1984 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, telah acapkali benar kita diperdengarkan dengan kata-kata penerapan nilai Islam dan di dalam Titah Ucapan Di Raja kelmarin disebutkan lagi kata-kata itu tetapi dengan menggunakan perkataan nilai-nilai yang mulia. Bagi menjelaskan kepada Dewan ini, saya menyatakan di sini bahawa penerapan nilai Islam atau nilai-nilai yang mulia seperti yang dimisalkan dalam Titah Ucapan Di Raja itu dengan kejujuran, kerajinan, dedikasi, bertanggungjawab dan sebagainya, nilai-nilai ini Tuan Yang di-Pertua, adalah terdapat dalam amalan seluruh Kerajaan di seluruh dunia ini hatta di negara-negara komunis sekali pun. Dengan erti tidak ada Kerajaan di dunia ini yang tidak mahu rakyatnya jujur, yang tidak mahu rakyatnya rajin, dedikasi dan sebagainya. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, tidak terdapat benda baru dalam seruan ini. Selain dari mengulangi perkara lama, perkara yang sentiasa disebut dan diingini sejak zaman penjajahan dahulu lagi oleh seluruh Kerajaan dunia walaupun Kerajaan sosialis dan komunis.

Bagi Malaysia yang tumpuk pemerintahan sehingga hari ini masih dalam tangan rakyatnya yang beragama Islam hendaklah memandang dan meyakini bahawa seluruh ajaran Islam itu semuanya mulia belaka. Tidak ada satu pun ajaran Islam baik dari sekecil-kecil ajaran sampailah kemuncaknya iaitu tauhid yang tidak mulia. Oleh itu ianya wajib dilaksanakan kesemuanya dan diamalkan selalu kesemuanya. Menerapkan satu, dua perkara atau 10, 15 perkara seperti yang sekarang ini akan menambahkan lagi kekusutan dan bertentangan sesama sendiri, tidak ada sebab langsung mengapa pelaksanaan ini didolak-dalikkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah pertanian maka satu hal yang payah hendak difahami bahawa dengan begitu lama kita gerakkan jentera pertanian dan begitu banyak kita belanjakan wang untuk pertanian tetapi masalah makanan dan pemakanan rakyat kita masih lagi bergantung terus dan dengan banyaknya, dengan barang-barang makanan yang datang dari luar negeri khususnya dari negara Thailand.

Pada rakyat Kelantan khususnya yang berada di Kota Bharu begitu sekali kuat dipengaruhi dan terpengaruh dengan barang-barang keluaran negara jiran iaitu Thailand. Mulai dari telur ayam, daging ayam, buah-buahan dari serba buah-buahan hinggakam jambu batu sampailah kepada serba jenis kain baju dan segala kelengkapan rumah tangga dan akhir sekali buruh-buruh kasar dari sebelah negara jiran lelaki dan perempuan telah mendatangi ke negara kita dengan banyaknya. Jangan ditanya masalah beras dengan perbagai jenisnya terdapat dengan begitu banyak dalam pasaran dan para perniaganya dengan megah menyebut bahawa beras jualan mereka adalah dari Siam. Sungutan-sungutan mengenai penyeludupan padi dari

negara jiran menjadi buah mulut rakyat merata-rata dan penyeludupan ini pada dasarnya berpunca melimpahnya hasil mahsul pertanian di sebelah pihak serta kekeringan hasil pertanian di sebelah satu lagi.

Soalnya sekarang, adakah teknik pertanian yang ada di sebelah kita ini masih jauh ketinggalan dari teknik pertanian di sebelah Thailand yang menyebabkan pasaran kita sekarang di Pantai Timur dan di negeri sempadan sentiasa dipenuhi dengan barang-barang keluaran mereka dan kita berebut-rebut membelinya kerana murah dan bernilai ataupun kerana kepincangan bahkan sekandel ini berpunca dari penyelewengan yang berlaku di kalangan Jabatan Pertanian kita hingga tidak dapat mengatasi kelemahan ini walaupun mempunyai peruntukan kewangan yang begitu banyak, ataupun berpunca kerana cara pengajian dan ikhtisas pertanian yang diajar kepada pelajar-pelajar kita tidak sesuai dengan keadaan sekeliling tanah air kita. Sesungguhnya teori mengadakan pagar di sekeliling sempadan negara jiran di samping membebaskan negara dengan belanja memagar, belanja menjaga dan mengurusnya dan lain-lain tidak juga akan menyelesaikan masalah permakanan rakyat yang sekarang ini mereka dapati dengan senang.

Saya cadangkan bahawa memandangkan bumi Malaysia khususnya bumi Kelantan adalah sambung-menyambung dengan negara Thai, tanah-tanahnya berkeadaan serupa dan hampir sama maka amatlah wajar pelajar-pelajar kita yang hendak dikirimkan keluar negeri tolonglah kirim mereka ke pusat-pusat pertanian Thailand sebelum berfikir menghantar mereka ke negeri-negeri jauh walaupun dalam lengkongan ASEAN.

Datuk Yang di-Pertua, berhubung dengan hubungan kita dengan negara luar. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, tidak ada Datuk.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Berhubung dengan hubungan kita dengan negara luar maka saya mengambil peluang ini untuk meminta Kerajaan kita mengutuk dengan kerasnya penggunaan bom-bom kimia dalam peperangan yang sedang berlaku di antara dua buah negara umat Islam di Timur Tengah ini. Peperangan yang memakan mangsa begitu banyak ditambah pula dengan penggunaan kimia yang diharamkan oleh Islam dan dilarang oleh undang-undang antarabangsa perlulah dihentikan segera. Sehubungan dengan itu maka Malaysia sebagai sebuah negara berkecuali serta termasuk dalam senarai negara-negara pendamai untuk menghentikan Perang Teluk yang sedang berjalan sekarang, saya rasa bahawa negara kita sedang bergerak ke arah berat sebelah.

Saya contohkan dengan adanya hubungan persahabatan di antara Malaysia dan di antara sebuah negara Teluk yang sedang berperang sekarang sedangkan persahabatan yang serupa tidak dijalinkan di antara negara yang sebuah lagi. Lawatan-lawatan rombongan rasmi telah diadakan ke sebuah negara sahaja sedangkan ke negara yang satu lagi tidak diketahui adanya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan di antara negara yang sedang berperang sekarang sedang dikepong ekonominya, sosialnya oleh negara-negara berkuasa besar dan bermodel besar maka amatlah tidak wajar bagi kita yang juga beragama Islam yang mengamalkan dasar berkecuali dan dipilih menjadi pendamai turut sama mengepong mereka secara moral, turut menyingkir mereka dari turut menikmati hidup bebas dan berdaulat seperti negara-negara lain di dunia ini.

Sekadar itu sahajalah ucapan saya pada hari ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan.

*5.35 ptg.*

**Tuan Abdul Ghani bin Misbah (Kinabatangan):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut bersama rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini untuk menyatakan sokongan saya kepada Usul Ucapan Terima Kasih ke atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam sidang bersama Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada hari Isnin yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan kenangan abadi kami di Sabah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana di dalam tempoh perkhidmatan Kebawah Duli Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia, negeri Sabah telah lebih mesra dan dapat memeteri rasa kasih sayang yang abadi di antara rakyat Malaysia di Sabah dengan rakyat Malaysia di Sarawak dan juga di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Sudah tentulah dengan termeterinya hubungan mesra dan kasih sayang di kalangan semua lapisan rakyat Malaysia, maka ini akan menjadi benteng ketahanan perpaduan negara Malaysia untuk selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai dasar luar negara kita, Baginda ada menyatakan bahawa dasar luar negara kita adalah bentang hadapan pertahanan negara dan kita menitikberatkan persahabatan dan kerjasama antara negara-negara jiran dan melalui ASEAN.

Dalam usia saya 37 tahun sekarang, bolehlah saya katakan bahawa saya adalah mewakili jenerasi kedua rakyat Malaysia di Sabah, yang dipertanggungjawabkan oleh pejuang-pejuang dan pemimpin-pemimpin kemerdekaan negara ini untuk mengisi dan memenuhi kehendak kemerdekaan negara kita ini. Dalam usaha saya bersama rakan-rakan yang segenerasi dengan saya untuk menunaikan tanggungjawab ini, maka sukalah saya menyuarkan perasaan rakyat Malaysia di Sabah mengenai satu perkara iaitu tuntutan haram Filipina ke atas negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan dasar Kerajaan yang ada sekarang iaitu menitikberatkan persahabatan dan kerjasama di antara negara-negara jiran terutamanya anggota-anggota ASEAN. Walau bagaimanapun, saya merasakan satu perkara yang jahat dan kutuk bagi sebuah negara jiran dan anggota ASEAN seperti Filipina yang menggunakan keikhlasan kita kepadanya untuk kepentingan politik dalam negeri Filipina. Kita semua tentulah sedar bahawa isu tuntutan Filipina ke atas Sabah ini sentiasa dipenggunakan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Filipina sebagai bahan politik untuk memancing undi dalam pilihanraya President Filipina.

Sebagai contoh bekas President Macapagal telah menggunakan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah ini apabila beliau hendak bertanding semula untuk mengekalkan kedudukannya sebagai Presiden Filipina bagi penggal kedua; hingga beliau sanggup membentangkan dan meluluskan satu akta dalam Kongres Filipina yang menunjukkan dalam peta negaranya bahawa negeri Sabah adalah sebahagian daripada Wilayah Filipina. Dalam tahun 1977 pula President Marcos ketika menghadiri dan berucap

dalam Persidangan Kemuncak Ketua-ketua ASEAN di Kuala Lumpur, President Marcos menyatakan bahawa beliau akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menggugurkan secara rasmi tuntutan Filipina ke atas Sabah apabila beliau kembali ke Manila; bahkan President Marcos dalam perjalanannya balik daripada Persidangan ini pernah singgah di Kota Kinabalu dan Pulau Labuan di mana beliau juga mengulangi kenyataannya bahawa beliau akan menggugurkan buat selamanya tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini Presiden Marcos ketika menghadiri perayaan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bersama pemimpin-pemimpin dunia yang lain termasuklah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Presiden Marcos telah berkata kepada para pemberita di Brunei bahawa beliau telah mengadakan rundingan-rundingan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengenai sempadan perairan di antara Sabah dan di Filipina dengan tujuan supaya penyelesaian sempadan negeri Sabah dan Filipina itu boleh dijadikan satu masalah pokok pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah. Tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur telah menafikan mengenai butir-butir perbincangan yang dilaporkan oleh Presiden Marcos kepada wartawan-wartawan itu di Brunei. Saya dan rakyat Malaysia di Sabah tentulah berpendapat bahawa kenyataan penafian yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengenai kenyataan bohong Presiden Marcos itu memanglah benar belaka.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada kenyataan di Brunei mengenai tuntutan Filipina ke atas

Sabah, Presiden Marcos pula memberitahu wartawan-wartawan di Manila bahawa pengguguran tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah hanya boleh dirundingkan dengan Kerajaan Persekutuan Malaysia selepas pilihanraya umum yang akan diadakan di Filipina tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, daripada tindak-tanduk bekas Presiden Macapagal dan juga Presiden Marcos, nyatalah kepada kita bahawa Presiden Marcos dan Kerajaan Filipina berhajat hendak menjadikan isu tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah ini sebagai satu alat memancing undi dan bagi kita ini tentulah satu perkara yang kejam, terkutuk dan haram di sisi undang-undang negara kita dan juga undang-undang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kami rakyat Malaysia di Sabah telah menolak dan tidak mengiktiraf tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah ini dan Kerajaan Pusat pun telah menyuarakan kenyataan yang serupa di forum-forum antarabangsa termasuklah di mahkamah antarabangsa di Hague, negeri Belanda apabila bekas Presiden Macapagal membawa perkara tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah ini ke pertubuhan dunia itu. Kami rakyat Malaysia di Sabah telah beberapa kali menyuarakan dan membuktikan hasrat kami hendak merdeka melalui pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 melalui satu pungutan suara yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Salah satu lagi usaha kami yang ikhlas mahu hidup bahagia, aman dan makmur dalam Persekutuan Malaysia, kami telah dengan hati yang ikhlas dan rela menyerahkan Pulau Labuan kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia untuk dijadikan sebagai salah sebuah Wilayah Persekutuan dengan tujuan semata-mata untuk membantu memperkukuhkan lagi integrasi nasional di antara rakyat di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam salah satu sidang Dewan Undangan Negeri Sabah pada tahun 1981 pun ada juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sabah yang telah menyuarakan perasaan sangat marah, bantahan keras dan penolak kepada tuntutan haram Filipina ke atas negeri Sabah ini. Saya juga sedar bahawa Kerajaan Persekutuan Malaysia memang tidak sama sekali mengiktiraf tuntutan haram Filipina ke atas negeri Sabah itu dari dahulu hingga sekarang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Memandangkan perkara-perkara yang telah saya sebutkan awal tadi, maka sukalah saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa rakyat Malaysia di Sabah sama sekali tidak rela kemerdekaan, kedaulatan, kemakmuran dan keamanan kami dalam Malaysia dipermainkan dan dijadikan pula bahan politik bagi mendapatkan atau mempertahankan kuasa mana-mana juga Presiden Filipina, bahkan lebih dari itu kami kondem Presiden Marcos dan Kerajaan Filipina kerana berbohong kepada kita dan juga masyarakat antarabangsa mengenai tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita rakyat Malaysia tentulah tidak mahu melihat satu keadaan dalam mana kita dengan hati yang penuh tulus ikhlas menghulurkan tangan persahabatan kepada pemimpin-pemimpin dan Kerajaan Filipina tetapi tangan kita itu pula bukan disambut dengan keikhlasan yang serupa tetapi disambut pula dengan tangan yang hendak menjajah sebahagian daripada wilayah kita. Bagi pandangan saya tindak-tanduk Presiden Marcos mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah satu perbuatan yang amat keji dan mesti dikutuk kerana ianya mencabuli kedaulatan kemerdekaan dan keamanan negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ingat ada satu perkara dalam Peraturan Mesyuarat kita yang menyatakan dalam ucapan-ucapan janganlah menyentuh ataupun hendak menjatuhkan persahabatan baik di antara negara kita dengan negara yang lain.

**Tuan Abdul Ghani bin Misbah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menyuarakan perasaan rakyat Sabah mengenai tuntutan haram Filipina ke atas negeri Sabah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tetapi jangan menyentuh perkara-perkara yang akan merenggangkan hubungan atau memberi ketegangan kepada negara-negara sahabat.

**Tuan Abdul Ghani bin Misbah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan arahan yang baru dikeluarkan oleh Tuan Yang di-Pertua, maka saya singkatkan ucapan ini dan saya sekarang dengan hati yang penuh tulus ikhlas dan tanggungjawab mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya kita mengambil satu langkah yang lebih konkrit dengan cara menggantungkan hubungan diplomatik kita dengan Kerajaan Filipina bersabit dengan tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah juga menyebut di dalam Titah Ucapan Diraja bahawa kemajuan pelajaran, dasar Pengswastaan dan Persyarikatan Malaysia merupakan alat yang penting bagi mencapai kemakmuran dan perpaduan negara. Peruntukan pembangunan pelajaran telah dipotong daripada \$1,165.6 juta bagi tahun 1983 kepada \$811.6 juta bagi tahun ini. Angka ini menunjukkan kurangan sebanyak \$354 juta. Perkurangan peruntukan ini sangat besar dan beberapa langkah

positif harus difikir dan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan beban kewangan bagi pembangunan pelajaran tetapi tidak pula menjejaskan pertumbuhan kemajuan pelajaran negara kita sesuai dengan kehendak Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Dalam hubungan ini, sukalah saya mencadangkan iaitu sebagai satu langkah permulaan untuk meringankan beban kewangan Kerajaan terhadap pertumbuhan pelajaran di negara ini, maka pihak universiti-universiti di negara ini haruslah dibenar menubuhkan satu perbadanan Pelaburan (Investment Arm) yang diberi modal pusingan oleh Kerajaan bagi membolehkan universiti-universiti kita mengutip keuntungan daripada pelaburan-pelaburan itu untuk menampung sebahagian daripada perbelanjaan mengurus universiti-universiti kita.

Cadangan yang kedua ialah supaya Kerajaan membenarkan sektor swasta membiayai segala jenis kajian dan hasil kajian-kajian ini bolehlah dijual oleh pihak universiti yang berkenaan kepada pihak swasta yang membiayai kajian-kajian itu. Pihak swasta yang berkenaan haruslah juga diberikan hak patent kepada hasil-hasil kajian itu untuk mereka menggunakan bagi pembuatan bahan-bahan pengguna (consumer goods) dan lain-lain barangan tanpa mengganggu pentadbiran dan aspek-aspek akademik universiti-universiti kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong.

5.50 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, semenjak Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada bulan Oktober, 1982, negara kita telah mengalami pelbagai krisis termasuk krisis perlembagaan, pentadbiran serta pembangunan yang telah mengancam keadaan aman dan tenteram negara kita.

Pada 19hb Oktober, 1982 saya telah membangkitkan ciri-ciri untuk mengukuhkan institusi demokrasi di negara ini serta kepentingan hak perbantahan untuk menampung pendapat, pandangan dan sikap yang berlainan. Kali ini, saya akan menyentuh krisis-krisis yang telah saya sebutkan di atas. Nampaknya polarisasi kaum yang boleh mengancam kestabilan dan keselamatan negara masih menjadi-jadi, di tokok-tambah dengan polarisasi agama yang kian memburuk.

Di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kerajaan telah menetapkan matlamat bagi menjadikan negara kita aman, bersatu padu, bermaruah dan maju. Kononnya Y.A.B. Perdana Menteri sentiasa berusaha memperkenalkan dasar-dasar yang inovatif dan mengamalkan sikap yang positif dalam segala usaha beliau, dengan menitikberatkan nilai-nilai seperti kejujuran, dedikasi, bertanggung-jawab, bertimbang rasa dan amanah, dengan konsep-konsep bersih, cekap dan amanah, konsep Kepimpinan Melalui Teladan, Persyarikatan Malaysia dan Pensiwaan. Kesemua ini sekiranya dapat dijayakan dan dilaksanakan dengan menyeluruh adalah baik bagi negara kita. Akan tetapi, beberapa bukti seperti skandal BMF telah jelas menunjukkan bahawa Kerajaan tidak bersih, cekap dan bermaruah. Krisis pentadbiran dan pembangunan adalah ketara dalam beberapa sektor termasuk kesihatan, yang membuktikan bahawa konsep-konsep

dan nilai-nilai ini masih belum terserap ke dalam sektor-sektor ini.

Isi kandungan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga memperlihatkan dengan jelas bahawa kita sekarang mempunyai seorang Perdana Menteri yang tergesa-gesa melakukan segala-gala dalam masa yang paling singkat mungkin. Keadaan yang kini wujud di Malaysia menyahutkan keperluan agi suatu penaksiran semula struktur, doktrin dan matlamat-matlamat penyatuannya. Daya cipta dan keberanian rakyat Malaysia dalam menghadapi cabaran ini akan menentukan sama ada negara ini akan memasuki suatu zaman pembinaan negara yang baru serta dinamik, atau lama kelamaan menjadi layu dan jahanam dalam kehancuran. Untuk mencapainya, garisan menegak perkauman dalam keseluruhan proses perancangan mesti dihapuskan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai krisis telah wujud dan timbul berulang kali di Malaysia dalam berbagai-bagai bentuk dan dari masa ke semasa. Krisis perlembagaan pada tahun lepas telah membenarkan rakyat Malaysia melihat pandangan-pandangan Y.A.B. Perdana Menteri mengenai konsep demokrasi berparlimen. Penegasan beliau bahawa Kerajaan hanya merupakan alat rakyat kerana rakyat yang memilih Kerajaan adalah amat benar, tetapi bukan mengikut tanggapan UMNO. Tujuan Kerajaan yang sebenar menurut Yang Amat Berhormat ialah untuk berkhidmat bagi rakyat. Kuasa terletak di dalam tangan rakyat dan setiap lima tahun, Kerajaan akan ditemuduga oleh rakyat. Kononnya, pemimpin-pemimpin akan berubah tetapi rakyat akan sentiasa kekal. Ini benar, empayar-empayar datang dan pergi, Kerajaan-kerajaan bangun dan jatuh, ada surut ada pasang, akan tetapi rakyat akan sentiasa kekal.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh menyimpulkan bahawa di dalam sebuah negara demokrasi berparlimen, hasrat dan keputusan rakyat mesti diakui dan diterima dan tidak boleh dinafikan sama sekali. Keagungan Parlimen patut mengambil tempatnya yang wajar sebagai Dewan perbincangan dan perundangan yang tertinggi di negara ini. Saya amat berharap bahawa Y.A.B. Perdana Menteri akan mengamalkan serta melaksanakan apa yang telah diperkatakan oleh beliau mengenai demokrasi berparlimen. Adalah juga menjadi harapan saya bahawa konsep ini akan terus diamalkan oleh semua Perdana Menteri Malaysia pada masa yang akan datang, demi kesejahteraan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, krisis pentadbiran telah, masih dan akan melanda negara ini, terutamanya setiap lima tahun terdapat peredaran politik nasional di mana pihak pemerintah termasuk UMNO dan kunci-kuncunya memancing undi untuk pilihanraya umum. Saya telah diberitahu bahawa untuk memenuhi janji-janji yang dibuat kepada kunci-kuncunya, bilangan pekerjaan di dalam sektor awam telah ditambahkan dengan keterlaluan, tanpa mengira sama ada jabatan-jabatan Kerajaan tersebut memerlukannya atau tidak. Saya berharap Kerajaan 2M akan membuat penyiasatan dengan teliti akan dakwaan ini.

Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri sendiri baru-baru ini telah mengakui bahawa sektor awam adalah secara bandingan terlalu besar untuk sebuah negara sedang membangun seperti Malaysia. Perbelanjaan atas gaji dan elaun untuk sektor perkhidmatan awam sahaja menelan hampir-hampir 40% daripada perbelanjaan mengurus, yang merupakan di antara yang tertinggi di dunia bebas ini. Di dalam ucapan Belanjawan saya pada 24hb Oktober tahun lepas, saya telah

menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada hakikat bahawa kurangan belanjaan sektor awam sebagai sebahagian daripada KNK telah naik daripada 8.7% (1979) kepada 26.3% (1982) dan 23.3% (1983). Kini Kerajaan memberitahu kita bahawa setiap seorang daripada 4.25 rakyat Malaysia adalah seorang kakitangan Kerajaan. Ini bermakna sektor perkhidmatan awam menggaji 1.2 juta orang iaitu 23% daripada jumlah tenaga kerja negara sebanyak 5.2 juta orang. Ini tidak menghairankan jika kita meneliti jumlah perbadanan-perbadanan yang telah diwujudkan untuk pertanian.

Selain daripada FELDA dan FELCRA sebagai agensi-agensi tanah Persekutuan, sebilangan besar agensi-agensi tanah Negeri seperti KETENGAH, KESEDAR dan TAKDIR, serta RISDA juga terlibat dalam pembangunan tanah baru. Sembilan buah agensi pula bertanggungjawab untuk pemasaran dan hampir sepuluh buah agensi terlibat dalam mengadakan kredit dan subsidi atau kedua-duanya bagi petani-petani.

Hasilnya ialah kekurangan penyelarasan antara Jabatan-jabatan Kerajaan yang seterusnya menyebabkan perkembangan fungsi-fungsi yang berserempak dan penduaan-penduaan usaha serta ketidakcekapan. Birokrasi yang tembam telah menjadi susah hendak digerakkan atau dikawal oleh kerana keadaan bentuknya yang terlalu besar bilangannya.

Tuan Yang di-Pertua, sistem penaungan, dengan izin, patronage, adalah salah satu faktor lagi yang menimbulkan krisis pentadbiran dan pembangunan sehingga menjejaskan kecekapan daya pengeluaran serta keikhlasan sektor perkhidmatan awam. Justeru itu masalah-masalah yang benar tidak dikenalpasti atau diatasi

dalam kegigihan menyokong segala tindak-tanduk pucuk kepimpinan. Ini adalah kerana kewajipan moral dan keinginan orang bawahan untuk sentiasa menyenangkan orang atasan. Ini juga adalah buruk untuk sebuah negara sedang membangun seperti Malaysia.

Saya mengakui bahawa ada sebahagian besar kakitangan Kerajaan yang benar-benar berdedikasi, yang tidak dipengaruhi oleh sistem ini, tetapi ada banyak juga yang masih dipengaruhi oleh sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Ketua Pembangkang telah membangkitkan soal nasionalisma Malaysia. Maka pada hari ini, saya akan hanya menegaskan bahawa kepentingan negara yang berasaskan kepada ahli-ahli nasionalisma hendaklah mengatasi kepentingan-kepentingan yang lebih sempit. Jika nasionalisma yang dimaksudkan adalah nasionalisma Malaysia, ini adalah wajar, tetapi malangnya perkataan ini hanya disamakan dengan nasionalisma Melayu sahaja, yang merupakan suatu kepentingan yang sempit. Nasionalisma yang bersifat keMalaysian harus memberikan suatu perasaan tujuan dan takdir bersama, suatu doktrin yang baru. Hanya apabila nasionalisma adalah lebih utama dari bangsa atau adakah kita akan berjaya melahirkan suatu keyakinan baru.

Tuan Yang di-Pertua, peredaran pemilihan jawatankuasa UMNO atau peredaran UMNO yang berlaku sekali dalam tiga tahun akan menjelma tidak lama lagi. Seperti juga isu-isu tertentu dipopularkan sebelum ini, isu kebudayaan nasional telah menjadi popular di kalangan bakal calon-calon pemilihan ini. Oleh sebab itu, Malaysia kini nampaknya mempunyai lebih daripada seorang Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Menteri Kewangan yang sebelum ini jarang sekali menyentuh soal

kebudayaan nasional telah sejak kebelakangan ini menjadi pakar kebudayaan. Menteri Kebudayaan yang tunggal serta tulin pula telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang paling tegas berhubung dengan isu ini.

Saya tidak menafikan bahawa kebudayaan Melayu patut merupakan unsur terpenting kebudayaan nasional kerana lebih 50% daripada penduduk Malaysia adalah orang Melayu. Akan tetapi, ini tidak sepatutnya bermakna bahawa unsur-unsur kebudayaan lain tidaklah sesuai. Dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia, sifat gabungan unsur-unsur kebudayaan yang berlainan mesti diberi keutamaan. Sebenarnya, suatu kebudayaan yang betul-betul tulin tidak wujud. Oleh itu, saya berharap kebudayaan-kebudayaan yang sedia ada akan dibenarkan berkembang secara semula jadi tanpa dipaksa oleh mana-mana pihak.

Pelaksanaan kebudayaan nasional seperti yang dilakukan sekarang oleh Kerajaan mungkin membawa kesan-kesan yang tidak diinginkan jika dipaksa, sebarang penentangan terhadapnya akan hanya memburukkan polarisasi kaum yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pertanian Negara yang sudah terlambat 27 tahun akhirnya telah digubal juga. Sebenarnya, matlamat-matlamat dasar ini adalah tidak jauh berbeza daripada matlamat-matlamat Rancangan-rancangan Malaysia bagi pertanian. Walau bagaimanapun, penggubalan dasar ini adalah tepat pada masanya. Kemiskinan nampaknya masih merupakan ciri utama sektor pertanian. Secara keseluruhannya 42.8% daripada rakyat Malaysia kini hidup dalam kemiskinan berbanding dengan 29.2% dalam tahun 1980; angka-angka ini merupakan angka-angka Kerajaan dari Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Jika diteliti secara terperinci, kita mendapati bahawa kadar kemiskinan antara sektor dan antara negeri adalah amat memeranjatkan, iaitu pekebun-pekebun kecil kelapa (77.6%), pesawah padi (76.2%) dan nelayan (72.8%). Di antara negeri-negeri pula, 62.4% penduduk Kedah hidup di bawah garis kemiskinan manakala kadarnya adalah Terengganu (58.9%), Kelantan (57.4%), Perlis (57.4%) dan Pahang (49.1%). Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk mengatasi masalah kemiskinan mestilah diberi jauh lebih perhatian kerana ia merupakan sebutir bom waktu di negara kita.

Saya akan mendalami masalah-masalah berhubung dengan sektor pertanian ini semasa mengupas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat kelak, dan malangnya pada ketika ini kita belum lagi menerima satu naskah Kajian Separuh Penggal ini, kerana kita memerlukan masa yang panjang sekurang-kurangnya satu bulan untuk meneliti hal-hal yang begitu rumit ini seperti kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Oktober 1982, saya telah mengibaratkan Dasar Pandang Ke Timur sebagai seekor burung merak jantan yang membersihkan bulu dengan paruhnya dalam suatu pertunjukan yang indah permai. Akan tetapi, sepertimana amaran saya yang telah saya berikan, burung merak jantan ini semakin hari semakin merupakan ayam belanda.

Imbangan perdagangan antara Jepun dan Malaysia kini adalah berat sebelah, menguntungkan Jepun sehingga Malaysia boleh dikatakan bergantung kepada Jepun daripada wujudnya suatu perhubungan saling bergantung, seperti saya sebutkan tengah hari ini. Pada tahun 1982, Malaysia mengalami kekurangan dagangan sebanyak \$1.5 ribu juta dengan negara Jepun. Tahun lalu pula

telah memperlihatkan kekurangan dagangan sebanyak \$1.6 ribu juta oleh Malaysia berbanding dengan Jepun, walaupun terdapat eksport gas asli yang baru serta banyak minyak ke Jepun. Antara unsur-unsur yang menyumbang kepada kekurangan dagangan ini adalah bayaran-bayaran insurans, pengangkutan, kontrak-kontrak, perkhidmatan-perkhidmatan professional dan lain-lain yang tidak ketara. Oleh itu, boleh dijangkakan bahawa kekurangan dagangan akan meningkat pada masa hadapan.

Kurangan dagangan ini sebenarnya dapat dielakkan sekiranya syarikat-syarikat Malaysia misalnya sektor pembinaan diberi peluang mendapatkan kontrak-kontrak pembinaan Kerajaan. Ini adalah kerana jika syarikat-syarikat Malaysia diberi kontrak-kontrak ini, secara tidak langsung ia akan membangunkan industri-industri yang berkaitan. Tambahan pula, pemindahan teknologi dan penyerapan etika dan nilai kerja Jepun belum lagi diperlihatkan dengan jelas.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang melanda perkhidmatan kesihatan di negara ini adalah kini begitu runcing sekali, dan adalah tepat pada masanya untuk menubuhkan suatu Suruhanjaya Kesihatan Diraja bagi mendalaminya dengan terperinci. Walaupun Laporan Ekonomi Tahun 1981/82 melaung-laungkan bahawa jumlah perbelanjaan Kerajaan untuk kesihatan bertambah sebanyak 4.6 kali ganda dari \$186 juta (tahun 1970) kepada \$860.1 juta (tahun 1980), adalah malang bahawa ia tidak sama sekali menjamin taraf perkhidmatan kesihatan yang tinggi. Sebenarnya, peratusan peruntukannya telah jatuh dari 6.7% (Rancangan Malaysia Kedua 1961-65) kepada hanya 1.4% (Rancangan Malaysia Keempat 1981-85). Bagi tempoh yang sama peruntukan bagi keselamatan dan pertahanan telah melambung daripada

4.3% kepada 21.9%. Jadi, jelaslah di mana letaknya keutamaan Kerajaan.

Tiga fakta paling utama yang mencirikan perkhidmatan kesihatan di negara ini adalah kekurangan kemudahan-kemudahan, agihan perkhidmatan antara kawasan luar bandar dan bandar yang tidak seimbang dan kekurangan pakar-pakar dan masalah penghijrahan doktor-doktor pakar. Tuan Yang di-Pertua, hanya 8.2% daripada semua doktor-doktor swasta di negara ini didapati di negeri-negeri berpendapatan rendah seperti Negeri Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu. Bilangan hospital serta institusi pengkhususan telah menurun dari 70 (tahun 1947) hingga 60 (tahun 1979). Juga, sungutan rungutan dari doktor-doktor pakar hari ini mengenai beban kerja yang terlalu berat, waktu-waktu pekerjaan yang terlalu panjang, kadar gaji yang terlalu rendah dan peluang-peluang latihan yang sempit tidak banyak berubah sejak 14 tahun yang lalu. Penghijrahan doktor-doktor ke sektor swasta dari perkhidmatan Kerajaan mestilah diberi perhatian dengan serta-merta. Sekiranya doktor-doktor ini hanya berhijrah ke sektor swasta, negara kita tidak akan mengalami banyak kerugian. Andainya mereka berhijrah ke luar negeri, maka ini merupakan kerugian yang besar kepada negara ini. Memandangkan keadaan ini, saya mendesak supaya Kerajaan menubuhkan suatu Suruhanjaya Kesihatan Diraja untuk meneliti masalah-masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Perubatan Malaysia memainkan peranan yang penting dalam memelihara maruah, taraf dan mutu perubatan dan doktor-doktor. Di kebanyakan negara termasuk United Kingdom, Australia dan Kanada, Presiden Majlis Perubatan adalah dipilih secara demokratik oleh anggota-anggota doktor, kecuali di

Malaysia di mana beliau dilantik. Presiden Majlis Perubatan Malaysia merupakan Presidennya berasaskan jawatannya sebagai Ketua Pengarah Kesihatan. Oleh itu, saya mendesak supaya jawatan Presiden Majlis Perubatan Malaysia merupakan seorang yang dilantik oleh anggota-anggota Majlis tersebut. Pada pendapat saya jawatan Presiden ini haruslah dilantik secara mengundi, bukan lantikan semata-mata oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan wakil yang dilantik oleh Kerajaan di dalam Majlis Perubatan Malaysia hendaklah kurang daripada bilangan wakil yang dipilih secara mengundi. Paling kurang, kedua-dua jumlah ini haruslah sama. Anihnya, di Malaysia, terdapat 13 ahli yang dilantik oleh Kerajaan dan 11 yang dipilih. Perkara ini berlaku kerana bekas Menteri Kesihatan, Yang Berhormat dari Batu Berendam telah melantik seorang wakil dari Fakulti Perubatan, Universiti Sains Malaysia, dengan merugikan wakil-wakil yang dipilih secara mengundi, menjadikannya 13 orang yang dilantik dan 11 yang dipilih. Apabila hakikat ini ditunjukkan kepadanya, bekas Menteri Kesihatan telah berjanji akan memulihkan keadaan kepada 12-12, tetapi masih belum berbuat demikian. Oleh itu, saya menyeru supaya Kementerian Kesihatan memulihkan keadaan ahli yang dipilih dan ahli yang dilantik di dalam Majlis Perubatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pelbagai masalah menyelubungi kelas bahasa ibunda seperti ketiadaan sukatan yang wajar, pemotongan peruntukan serta elaun guru-guru POL dan sebagainya, kedua-dua Ketua Pengarah Pelajaran dan Timbalan Menteri Pelajaran telah menafikan hakikat ini. Jawatankuasa misteri bagi mengkaji sukatan POL yang wajar masih kekal misteri.

Petang inipun Timbalan Menteri Pelajaran tidak jawab soalan ini. Kini tanggungjawab Kementerian Pelajaran membayar elaun kepada guru-guru POL telah diserahkan kepada ibu bapa murid-murid POL. Oleh itu, pihak Kementerian Pelajaran patut memperkukuhkan lagi sistem kelas bahasa ibunda. Nama-nama Ahli-ahli Jawatankuasa dan usaha-usaha jawatankuasa setakat ini harus diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan guru terutamanya selepas pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah telah menjadi lebih serius. Janji Timbalan Menteri Pelajaran untuk menambah pengambilan guru-guru untuk tahun lepas kepada kira-kira 900 tinggal janji sahaja. Sebenarnya, hanya lebih kurang 400 orang guru sahaja yang diterima. Oleh itu, saya berharap Kementerian Pelajaran akan memberikan angka-angka yang tepat. Nampaknya masalah kekurangan guru-guru akan terus menjadi masalah pokok KBSR, lebih-lebih lagi nisbah kelas-guru yang sesuai bagi KBSR ialah 20 orang murid walaupun Timbalan Menteri Pelajaran telah menegaskan bahawa angka yang sesuainya ialah 35. Walau bagaimanapun saya berharap Kementerianannya akan mengambil perhatian yang lebih serius lagi untuk mengurangkan bilangan murid di dalam kelasnya. Pihak Kerajaan haruslah menyelesaikan masalah kekurangan guru, kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan, bilik-bilik darjah dan sebagainya sebelum menimbulkan publisiti mengenai sistem pelajaran yang dipelbagaikan, dengan izin, multi-purpose education.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh hal dengan tulisan Jawi. Tulisan Jawi adalah tulisan cantik yang merupakan warisan Kebudayaan Melayu yang berpunca daripada bahasa Arab. Walaupun saya berminat di

dalam tulisan ini, akan tetapi saya hanya mencapai suatu tahap penggunaannya yang rendah. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa bagi peminat-peminat tulisan Jawi yang pemelihara-pemelihara warisannya yang tidak dipaksa, tulisan ini haruslah diseragamkan dengan ejaan baru Bahasa Malaysia Rumi.

Saya hendak bagi satu atau dua contoh dari segi peminat, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan pengiklan bagi akhbar ini, cuma hendak menunjukkan satu dua perkara misalnya dan banyak sukukata-sukukata. Misalnya "muktamadnya" kalau dibandingkan dengan rumi maka kita tahu. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, mim-ain-ta-min-ta. Jadi vokalnya, kecuali "ain" vokalnya tidak ada. Banyak lagi contoh seperti umpamanya "um" itu tidak ada "wau" cuma "alif" sahaja. Jadi banyakkah kerana tidak ada masa sahaja. "Bahawa", ba-ha-wau-alif, tidak ada alif ba-ha. Jadi patutlah sukukata-sukukata ini dan ejaan-ejaan ini diselaras dan diseragamkan.

Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:**  
(Bangun).

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia minta jalan.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Sebenarnya vokal-vokal yang dikehendaki oleh Yang Berhormat yang berkenaan ini sebenarnya menunjukkan keistimewaan pada tulisan Jawi. Yang kedua, saya ingin mendapat penjelasan bahawa tulisan Jawi ini bukanlah hanya sebagai suatu kebudayaan tetapi ia lebih daripada apa yang disebut kebudayaan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermakna bahawa ini hanya satu kebudayaan, suatu alat

juga alat untuk perhubungan, alat untuk ilmu untuk membaca manuskrip lama dan sebagainya. Jadi cuma cadangan saya ialah untuk menyelaras dan menseragamkan. Saya berharap pakar-pakar tulisan Jawi ini akan menubuhkan satu biro atau jawatankuasa untuk memberi pertimbangan cadangan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tempoh hari penggunaan tulisan Jawi yang tidak seragam ini di dalam resit Polis Di Raja, papan-papan tanda jalan di Pantai Barat di mana bilangan penduduk bukan Melayu adalah ramai seperti Bandar Kelang, serta laporan berita akhbar pada 25hb Februari bahawa tulisan Jawi akan diwajibkan di semua sekolah menjelang tahun 1986, telah menimbulkan kekhawatiran masyarakat bukan Melayu. Sementara itu, usaha untuk mempopularkan Bahasa Malaysia Rumi yang seragam masih tidak diperlihatkan di seluruh negara. Sejak ahir-akhir ini, RTM telah memulakan usaha mempopularkan ejaan baru dan saya berharap sebutan baku, sebutan standard. Ini adalah satu langkah ke arah yang betul walaupun ianya sudah 12 tahun terlambat. Di hampir semua jabatan Kerajaan termasuk Kementerian Pelajaran, ejaan yang digunakan adalah tidak seragam, apatah lagi menggunakan sebutan baku. Jabatan Imigrasi tetap menjadi Jabatan Imigeresen; kecuali di Angkasapuri, Kepimpinan Melalui Teladan tetap menjadi Kepimpinan Melalui Tauladan. Jadi ada punca-punca yang menunjukkan kepada saya kerana tulisan Jawi itu, ta-wau, kerana itulah patut gunakan tauladan tetapi ini diseragamkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua, di kebanyakan tempat "stesen" ejaannya patutlah stesen tetapi menjadi "stesyen" atau "setesen", s-e-t-e-s-e-n. Jadi dengan wang kertas kita hari ini pun begitu

juga. Wang \$10 ini Stesyen Besar Keretapi Tanah. Jadi ejaan itu salah.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua ini menunjukkan dengan jelas bahawa golongan kecil yang berikhtiar untuk memaksa penggunaan tulisan Jawi tidak memahami masalah-masalah dalam mempopularkan Bahasa Malaysia Rumi yang seragam dengan sebutan yang baku. Di kampung-kampung, orang-orang kampung akan mengalami kesulitan dan kesukaran untuk menerima ejaan baru apatah lagi sebutan baku.

**Tuan Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan kekayaan Bahasa Melayu. Tauladan boleh dieja dengan "tauladan" atau "teladan". Begitu juga seperti perkataan colour, c-o-l-o-u-r dengan huruf c-o-l-o-r. Begitulah kayanya bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris sama.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya di sini kita mempunyai satu pakar yang baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah berkenaan dengan bahasa itu?

**Dr Tan Seng Giaw:** Satu minit lagi (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu minit sudah habis.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang sedemikian mengapakah hendak kita merumitkannya dengan penggunaan tulisan Jawi secara paksaan. Saya menyeru kepada semua Jabatan Kerajaan dan Ahli Parlimen supaya berikhtiar dengan sedaya upaya untuk mempopularkan Bahasa Malaysia yang seragam.

Tuan Yang di-Pertua, Orang-orang Asli yang merupakan maha bumiputera negara ini telah sekian lama merupakan golongan yang telah terlupa dalam skim pembangunan negara yang lebih luas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jikalau hendak masuk Orang Asli itu lambat

lagi. Masa sudah cukup. Esok boleh sambung.

Ahli-ahli Yang Berhormat,  
Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*